



buletin **Mutiara**

PERCUMA

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

1 – 15 JUN, 2017

Buka puasa babit bukan Islam serlahkan rahmat beragama - Mufti

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN - Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor berpendapat bahawa majlis berbuka puasa dihadiri bukan Islam bakal menyemarakkan lagi keindahan Islam sebagai rahmat di seluruh alam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kritikan segerintir pihak terhadap amalan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meraikan umat Islam berbuka puasa di masjid.

Katanya, penentangan tersebut tidak seharusnya berlaku kerana ia adalah suatu bentuk amalan memperkenalkan keindahan Islam kepada penganut agama lain.

"Kita anggap itu sebagai satu bentuk memperkenalkan keindahan Islam, semoga dengan cara tersebut mereka (bukan Islam) akan bersympati dengan Islam dan mereka tahu apa sebab kita (Islam) perlu buat begitu dan begini."

"Kita selalu dengar ada pihak bukan Islam yang menentang usaha-usaha keislaman seperti ingin merealisasikan ajaran Islam di dalam negara. Sebab kadangkala tidak melibatkan mereka (bukan Islam) pun... tapi orang Islam sahaja, puncanya kerana mereka tidak faham."

"Ini yang kita perlu fahamkan mereka, moga dengan cara ini (berbuka bersama-sama), ia boleh menjalinkan silaturahim sesama kita serta toleransi dengan harapan mereka tidak akan menentang usaha-usaha kita melaksanakan Islam di Malaysia," ulasnya ketika ditemui di perkangan Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini pada 7 Jun lalu.

Terdahulu, Wan Salim meluangkan masa menziarahi pasangan adik-beradik, Khairiyah Alisha Mohd. Khosim, 10, dan adiknya, Khaira Amni Mohd. Khosim, 1 tahun 5 bulan, yang sekilip mata hilang tempat bergantung apabila tragedi kemalangan yang berlaku 28 April lalu di Sungai Bakap meragut nyawa kedua-dua ibu bapa mereka.

Pada kesempatan tersebut, Wan Salim turut menyampaikan hamper dan duit raya kepada kanak-kanak berkenaan iaitu hasil sumbangan daripada kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan sebahagian jabatan-jabatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP).

Mengulas lanjut, Wan Salim berpendapat bahawa penentangan tersebut mungkin disebabkan ketakutan dan keimbangan mereka.

"Jadi, kitalah yang perlu fahamkan mereka, ajak mereka (bukan Islam) bersama-sama untuk berbuka puasa," jelasnya lanjut.

(Juga berita di muka 8).

'Bonus Raya' Pulau Pinang, 0.75 bulan gaji

GEORGE TOWN - Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pemberian 0.75 bulan gaji atau kadar minimum RM1,000 kepada semua anggota perkhidmatan awam layak, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri ini, dibayar pada 20 Jun 2017.

Menurut kenyataan dikeluarkan pada 9 Jun lalu, Bantuan Khas Kewangan (BKK) sejumlah RM300 juga akan diberikan kepada Penyelia, Guru dan Staf KAFA, Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Agama Rakyat (KAFA Integrasi), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri dan Sekolah Persendirian Cina Negeri Pulau Pinang; manakala bagi Maahad Tahfiz, Sekolah

Pondok dan Tadika Islam (TADIS) masing-masing menerima RM200.

"BKK sebanyak 0.75 bulan ini akan dipecahkan kepada dua bayaran iaitu 0.5 bulan gaji kepada semua penjawat awam yang tiada rekod disiplin.

"Manakala, tambahan 0.25 bulan gaji lagi akan diberikan kepada penjawat awam yang memuaskan prestasinya," katanya di sini.

Guan Eng memberitahu, pemberian BKK kepada 3,741 pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah dianggarkan berjumlah RM7,551,028.94 berbanding RM6,945,034.67 yang dibayar pada pertengahan tahun 2016. Pemberian BKK

Tahun 2017 juga dipanjangkan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun negeri.

"Memandangkan Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan Belanjawan setiap tahun sejak tahun 2008 melalui pengurusan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), sebanyak RM71,779,770.99 telah dicatatkan pada 2015 dan dijangka akan juga mencatatkan lebihan Belanjawan pada tahun 2016. Maka Kerajaan Negeri berasa boleh memberikan BKK yang sama kepada semua penjawat awam Kerajaan Negeri," ujarnya.



Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (kanan sekali) mengetuai bacaan doa kepada pasangan adik-beradik sempena lawatan beliau dan para kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang serta wakil-wakil jabatan PSUKPP ke HPP di sini baru-baru ini.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Exco nafi pembangunan tidak terkawal punca banjir di Kampung Kechil

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Aceh, Datuk Mahmud Zakaria kongonnya masalah banjir yang melanda kawasan Sungai Kechil berpuncanya oleh aktiviti pembangunan tidak terkawal adalah tidak benar.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, masalah berbangkit tersebut boleh diselesaikan sekiranya Kerajaan Persekutuan menyegerakan kelulusan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kechil bernilai RM12 juta, yang sebelum ini dipohon oleh

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

"Kawasan Sungai Kechil merupakan kawasan kampung yang masih didominasi dengan aktiviti pertanian dan tidak banyak aktiviti pembangunan dijalankan seperti di kawasan perbandaran yang lain."

"Justeru, penyelesaian kepada masalah banjir kilat di Sungai Kechil adalah dengan melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kechil," jelasnya dalam sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkenaan menyatakan bahawa, JPS telah mengemukakan

semula permohonan projek RTB Sungai Kechil melalui Bahagian Pengurusan Banjir JPS Malaysia dengan kos anggaran RM12 juta sebagai projek baru dalam Rolling Plan Ketiga Tahun 2018 setelah cadangan tersebut ditolak dalam Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Tambah Kon Yeow, permohonan berkaitan projek RTB itu sedang dalam semakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mengulas mengenai jumlah peruntukan sebenar yang diluluskan Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) hingga RMK-11 untuk

Pulau Pinang.

"Sekiranya ia diteliti, negeri Pulau Pinang diluluskan peruntukan sejumlah RM305 juta, hanya 21.7 peratus daripada jumlah peruntukan asal sebanyak RM1,407,209,672.00 (RM1.4 bilion)."

"Perkara sama juga dapat diperhatikan semasa RMK-10 yang mana daripada jumlah peruntukan asal RM185,670,290.00, Kerajaan Negeri hanya menerima RM124,745,837.95, iaitu 67.2 peratus," jelas Kon Yeow.

Mengulas lanjut, kata Kon Yeow, jumlah peruntukan Kerajaan Pusat untuk RTB Sungai Pinang pula berjumlah RM150 juta, namun Pulau Pinang hanya menerima



CHOW Kon Yeow.

RM1 juta sahaja pada tahun 2017.

"Peruntukan selebihnya akan disalurkan secara berperingkat sehingga projek siap pada tahun 2020," ujarnya kepada ADUN Pembangkang.

Kerajaan Negeri tidak campur tangan urusan fatwa – Exco Agama

GEORGE TOWN - Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak mencampuri urusan fatwa di negeri ini.

"Perkara itu juga sudah diperjelaskan Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, malah beliau menafikan bahawa adanya campur tangan Kerajaan Negeri dalam urusan fatwa.

"Malah, kuasa untuk mengeluarkan sesuatu fatwa dan seterusnya meluluskannya terletak dalam bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti Pulau Pinang sendiri," katanya sebagai respons terhadap isu fatwa yang dibangkitkan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar

pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

Menyentuh mengenai syor Jahara supaya Abdul Malik menarik balik surat kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk membentangkan fatwa kepada Kerajaan Negeri sebelum diangkat kepada Yang Di-Pertuan Agong, Malik menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang surat sebagaimana dinyatakan Jahara.

"Jadi tidak berbangkit untuk saya menarik balik sebarang surat seperti yang dibangkitkan oleh (ADUN) Teluk Air Tawar.

"Mungkin surat yang dimaksudkan adalah surat Penasihat Undang-undang Negeri kepada semua agensi berkaitan termasuk Jabatan Mufti seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Exco," ujarnya yang ADUN Batu Maung.

Belanja pembangunan negeri seimbang sejak 2008, 77% di Seberang Perai

GEORGE TOWN - Belanja Pembangunan Kerajaan Negeri lebih seimbang sejak tahun 2008, berbanding era sebelumnya yang lebih menumpu pada bahagian pulau sahaja.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, belanja pembangunan di Pulau Pinang sejak 2008 hingga 2016 adalah berjumlah RM3,077,152,950.39.

"RM2,379,145,953.56 belanja pembangunan negeri di bahagian Seberang Perai keseluruhannya menyamai 77 peratus, dan keseluruhannya RM698,006,996.83 belanja pembangunan negeri di bahagian pulau menyamai 23 peratus," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih dalam sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Mengikut pecahan, menurut Guan Eng, belanja pembangunan negeri melibatkan

Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk bahagian Seberang Perai berjumlah RM182,045,529.59 menyamai 60 peratus; manakala baki 40 peratus lagi belanja pembangunan negeri di bahagian pulau (RM123,624,580.41).

Jelas beliau, belanja pembangunan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di bahagian Seberang Perai adalah 64 peratus atau RM311,000,000; manakala baki 36 peratus atau RM173,000,000 di bahagian pulau.

Tambah Guan Eng, belanja pembangunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di bahagian Seberang Perai adalah 82 peratus atau RM1,886,100,423.97; manakala baki 18 peratus atau RM401,382,416.42 di bahagian pulau.

MAINPP lantik Sazali Hussein Pemangku CEO ZPP

GEORGE TOWN - Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Sazali Hussein diumumkan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Lantikan tersebut diumumkan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim pada satu sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

"Perkara tersebut diputuskan

dalam satu mesyuarat khas antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai badan induk ZPP pada 15 Mei lalu.

"Lembaga Pengarah ZPP juga telah mengadakan mesyuarat bagi memastikan pentadbiran badan tersebut berjalan lancar, khususnya pada bulan Ramadan, iaitu bulan paling sibuk dengan aktiviti kutipan serta agihan kepada asnaf," katanya.

Turut hadir, Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man.



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan) bergambar bersama Sazali Hussein di perkarangan DUN.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Peningkatan peruntukan 84%, bukti KN dokong Islam sebagai agama rasmi

GEORGE TOWN – Peruntukan bagi hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang antara 2008 hingga 2016 berjumlah RM457 juta, berbanding tempoh sama (antara tahun 2000-2007) sewaktu pentadbiran Barisan Nasional (BN) hanya RM257 juta.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sehingga 84 peratus berbanding semasa Pulau Pinang di bawah pentadbiran BN.

“Hal ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri hari ini melaksanakan pembangunan Islam di Pulau Pinang dengan mendokong kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan,” ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ketiga Belas baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Kerajaan Negeri dalam usaha memartabatkan ilmu pendidikan Islam, sebuah

Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Guar Jering, Permatang Pauh bernilai RM1.3 juta telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya akhir tahun lalu.

“Kos pembinaan SAR ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, manakala bagi SAR di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), SAR Tuan Guru (Tanjung Tokong) dan SAR di Masjid Abdullah Fahim (Seberang Perai Utara, SPU) kini dalam proses pembinaan.

“Malah, Maahad Tahfiz yang beroperasi di negeri ini juga didaftarkan bagi membolehkan penyaluran bantuan dan pemantauan dijalankan supaya mutu pembelajaran serta kebajikan pelajar-pelajar ini tidak diabaikan.

“Juga, penyempurnaan Ibu Pejabat Kompleks Kehakiman dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang yang terletak di Jalan Scotland, atas tanah Kerajaan Negeri bernilai RM80 juta, dengan kos RM33 juta dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan menjadi sebahagian antara kejayaan dalam pembangunan Islam di Pulau Pinang,” jelas beliau.



BARISAN media bertugas merakam gambar kenangan bersama Tuan Yang Terutama Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas selepas selesainya Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima DUN Ke-13 baru-baru ini.



LAW Choo Kiang (duduk, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan ADUN selepas selesainya persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13 baru-baru ini.

Penolakan pinjaman perumahan pembeli pertama, KN terus perbincangan dengan BNM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang menggariskan empat langkah yang perlu ditangani Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memastikan syarat-syarat pinjaman perumahan daripada bank-bank komersial dapat dilonggarkan dan memanfaatkan pembeli rumah pertama.

Exco Perancangan Bandar, & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama dan perbincangan bersama pihak BNM bagi mengatasi masalah tersebut.

“Apa yang kita (Kerajaan Negeri) cadangkan bagi mengurangkan kadar penolakan perumahan yang tinggi ialah dengan menawarkan kadar pinjaman lebih tinggi sehingga 100 peratus daripada harga jualan perumahan.

“Selain itu, tempoh pembayaran pinjaman perumahan perlu dipanjangkan serta memperkenalkan semula Skim Pemaju Tanggung Faedah (Developer Interest Bearing Scheme, DIBS).

“Malah, pihak BNM perlu memperkenalkan kadar pembayaran semula yang lebih fleksibel, iaitu bermula dengan kadar pembayaran lebih rendah dan meningkat secara berfasa seiring dengan peningkatan

pendapatan peminjam,” jelasnya ketika membentangkan perkara tersebut pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berlangsung baru-baru ini.

Jelas Jagdeep, masalah kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi khususnya dalam kalangan pembeli rumah pertama bukan sesuatu perkara baharu.

“Masalah (penolakan pinjaman) ini bukanlah perkara baharu, ia juga adalah punca yang menafikan warga Pulau Pinang daripada mengakses rumah mampu milik disediakan.

“Kita (Kerajaan Negeri) akan meneruskan perbincangan dengan pihak BNM berhubung isu tersebut agar pinjaman perumahan daripada bank-bank komersial dapat dilonggarkan dan memanfaatkan pembeli (rumah pertama).

“Malah, bagi menangani perkara tersebut pihak Pembangkang Pulau Pinang yang diketuai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Ayer Tawar telah bersetuju untuk bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengutuskan usul bersama kepada Kerajaan Pusat dan BNM.

“Dalam hal ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk (ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid) kerana bersetuju bersama-sama Kerajaan Negeri menangani masalah ini,” katanya.

Shabudin dikritik keras, DUN Pulau Pinang terima usul henti perkahwinan kanak-kanak dengan perogol

GEORGE TOWN - Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini sebutul suara menerima usul Hentikan Perkahwinan Kanak-Kanak Dengan Perogol, tanpa seorang pun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pembangkang.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika membentangkan usul tersebut, mengkritik keras kenyataan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya dalam persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini yang menyebut seseorang kanak-kanak perempuan berumur 12 hingga 15 tahun sudahpun kelihatan seperti 18 tahun dan oleh itu, sudah bersedia untuk berkahwin.

“Marilah kita menentang sekeras-kerasnya pemikiran sebegini untuk melindungi kanak-kanak kita daripada keganasan seksual,” katanya yang juga ADUN Padang Lalang.

Memetik data Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dikongsikan Reuters, Chong Eng memberitahu Dewan bahawa terdapat 12,987 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan kepada polis antara Januari 2012 hingga Julai 2016 di Malaysia.

Tapi, katanya, hanya 2,189 kes rogol difailkan dan 140 kes sahaja disabit kesalahan.

“Ini, bermakna 17 peratus kes difail dan hanya 1 peratus kes disabit kesalahan daripada jumlah kes yang dilaporkan.

“Ini, jelas menunjukkan yang jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia adalah sangat serius dan memang sukar untuk dibawa ke muka pengadilan,” tegasnya.

ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin pada sesi perbahasan usul tersebut mencadangkan perogol dihukum rejam sampai mati, sebagaimana wujud dalam doktrin undang-undang yang dikaitkan dengan Islam.

“Dalam Islam, anak mangsa rogol tidak diiktiraf pun sebagai anak kepada perogol.

“Inilah betapa tiada taraf perogol, tapi bagaimana dibenarkan mereka ini berkahwin dengan mangsa rogol,” katanya.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim turut membantah dalih Shabudin yang menyebut, “sekurang-kurangnya dia (kanak-kanak mangsa perogol) ada suami.”

ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan ketika berucap turut menganggap para ADUN Pembangkang seakan lari daripada mengambil bahagian dalam membahaskan usul berwajib yang berkaitan Shabudin.

Selepas itu, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang mengumumkan usul Chong Eng sebutul suara diterima dewan.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Perbelanjaan wang MARRIS, Exco jawab ADUN Permatang Berangan

Oleh : **WATAWA**
ZULKIFLI

PADANG KOTA - Dana Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) yang disalurkan Kerajaan Pusat tidak pernah digunakan untuk membina jalan baharu di Pulau Pinang, mahupun menaik taraf mana-mana jalan di negeri ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Berangan, Omar Abdul Hamid berkenaan peruntukan berkaitan.

"Wang MARRIS diutamakan untuk penyelenggaraan jalan dan kemudahan awam berkaitan, selain itu ianya juga digunakan sebagai dana-dana kecemasan jika terdapat mana-mana kerosakan jalan, saliran dan sebagainya," katanya pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Ke-13 baru-baru ini.

Kesempatan sama, Hock Seng

NATAF

turut memberi respons kepada Omar berkenaan pecahan peruntukan MARRIS yang diterima sejak tahun 2013 hingga 2016.

"Kerajaan Negeri menerima peruntukan RM208,242,665 dari Kerajaan Pusat bagi dana Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dari tahun 2013 hingga 2016.

"Pada tahun 2013, kita (Kerajaan Negeri) menerima RM50,471,489; RM44,518,563 (2014); RM53,135,917 (2015); RM60,116,622 (2016).

"Kebiasaannya, peruntukan-peruntukan ini akan diagihkan kepada agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)," jelasnya yang juga ADUN Bagan Jermal.

Menurut Hock Seng, penggunaan peruntukan MARRIS akan dilaporkan secara bulanan dan tahunan kepada Kerajaan Pusat.

ADUN UMNO berdalih nasihat kenyataan cauvinis Pengerusi MCA negeri ketika diasak Guan Eng

GEORGE TOWN - Datuk Tan Teik Cheng yang mengeluarkan kenyataan cauvinis terhadap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, tetapi beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri pembangkang masing-masing dilihat seakan berdalih ketika diminta menasihat pemimpin utama Barisan Nasional (BN) terbabit.

Ketika mengasak pembangkang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pentadbirannya tidak wajar dituduh anti-Cina kerana menaikkan peruntukan hal ehwal agama Islam hampir 84 peratus menjadi RM457.05 juta dalam tempoh 2008 hingga 2016, berbanding RM249.09 juta dalam tempoh 1999 hingga 2007.

"Apabila Kerajaan Negeri hari ini menaikkan peruntukan hal ehwal agama Islam, kita dituduh anti-Cina, adakah ini betul?

"Kerana kita (Kerajaan Negeri hari ini) beri peruntukan kepada sekolah

Cina, dituduh anti-Melayu dan anti-Islam.

"Kerajaan Negeri tidak pernah kritik Kerajaan Pusat memberikan wang kepada mana-mana kaum sebagai anti kaum yang satu lagi.

"Nasihatlah pemimpin Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang berkenaan supaya tidak lagi mengeluarkan kenyataan cauvinis," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih ketika sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, ADUN Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah (BN) dan Shariful Azhar Othman (ADUN Bertam - BN) antara wakil rakyat pembangkang di DUN yang berdalih untuk menasihat Pengerusi MCA Pulau Pinang berkenaan.

Shah Headan berdalih dengan mencadangkan debat terbuka antara Guan Eng dan Teik Cheng di luar DUN Pulau Pinang.

PBT sentiasa pantau premis perniagaan – Ramasamy

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa melakukan pemantauan terhadap premis perniagaan di kawasan pentadbiran masing-masing secara berkala.

Perkara tersebut dimaklumkan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy sebagai penjelasan kepada soalan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Nordin Ahmad yang mencadangkan bahawa peraturan diperketatkan agar warga asing tidak dibenarkan menyewa premis untuk dijadikan kedai runcit dan pelbagai perniagaan lain.



PROF. DR. P. RAMASAMY.

Rashid sangkal dakwaan prinsip CAT sudah mati

GEORGE TOWN - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyangkal dakwaan pihak pembangkang daripada Barisan Nasional (BN) kononnya prinsip CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus) yang didokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 sudah mati.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini masih lagi mendokong prinsip CAT sejak mengambil alih pentadbiran.

"Malah, Tuan Yang Terutama Tun (Dr. Abdul Rahman Abbas, Yang Di-Pertua Negeri, TYT) turut berbangga dengan pencapaian negeri Pulau Pinang sejak sembilan tahun lalu.

"Isu CAT telah mati tidak benar sebagaimana dilaungkan pembangkang kerana Tun (TYT) ketika ucapan perasmian sidang Dewan Undangan Negeri pada 19 Mei lalu, dua kali menyebut bahawa



MOHD. RASHID HASNON.

semua pencapaian tidak mungkin tercapai tanpa pentadbiran Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) dan kepimpinan bersih yang diterapkan dalam tatakelola Kerajaan Negeri.

"Urus tadbir CAT membawa kejayaan apabila lebihan bajet sebanyak RM573 juta dicatatkan dalam tempoh lapan tahun dari tahun 2008-2015.

"Maka, CAT telah mati adalah tidak benar," tegasnya.

ADUN PAS puji rekod pelaburan Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Satu-satunya wakil rakyat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang memuji rekod pelaburan ke Pulau Pinang di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man memuji pentadbiran Guan Eng yang meletakkan jumlah pelaburan asing langsung (FDI) ke Pulau Pinang di kedudukan ketiga tertinggi negara.

"Jumlah FDI 2008 hingga 2016 bernilai RM41.55 bilion mengatasi 11 negeri lain dalam Malaysia."

"Saya ucapkan syabas dan tahniah atas inisiatif dan usaha keras dalam menarik para pelabur, khususnya FDI," jelasnya yang juga Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Penubuhan koperasi buka peluang kerja, perniagaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kempen 'Satu Koperasi, Satu Komuniti' yang dilancarkan pada 16 Disember 2016 adalah bertujuan menyemarakkan minat masyarakat setempat bagi menubuhkan koperasi di kawasan masing-masing.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata demikian ketika menjawab soalan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man dalam ucapan penggulungannya pada persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, melalui penubuhan koperasi, pelbagai peluang termasuk peluang pekerjaan dan perniagaan terbuka luas.

"Penglibatan rakyat secara berkumpulan akan meningkatkan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosio-ekonomi negeri."

"Malah, Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan

Malaysia Berhad) Cawangan Negeri Pulau Pinang dalam membimbing koperasi baru, termasuk menganjurkan kursus wajib dan bengkel pengurusan koperasi.

"Di samping itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) turut menyediakan pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) sehingga RM10 juta dengan kadar faedah 1 hingga 6 peratus dan tempoh pembiayaan maksimum selama 20 tahun untuk koperasi yang berdaya maju," ujarnya.

Sebagai rekod, Mohd. Rashid memberitahu, sehingga 31 Disember 2016, sejumlah 726 koperasi didaftarkan di Pulau Pinang, meliputi 329 koperasi di

bahagian pulau dan Seberang Perai (397).

"Juga 33 koperasi qariah masjid terdapat di Pulau Pinang, menjadikan keseluruhan anggota koperasi 224,142 orang dengan jumlah syer (yuran) sebanyak RM617,436,326.22."

"Manakala jumlah asset adalah mencecah RM3.1 bilion dengan jumlah perolehan sebanyak RM1,383,210,321.41."

"Semua koperasi berdaftar di Pulau Pinang adalah terdiri daripada pelbagai fungsi termasuk kredit pembinaan, pengangutan, pengguna, perbankan, perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan perumahan," jelas beliau.

Semua berperanan cungkil bakat anak-anak dalam sukan

GEORGE TOWN

– Dasar Satu Murid Satu Sukan (SMSS) yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan merupakan satu langkah dalam menyumbang kepada pemerkasaan pembangunan sukan dan atlet dalam negara, termasuk Pulau Pinang.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, pelantar kepada pembangunan sukan pada dasarnya adalah sistem sekolah negara iaitu hampir setiap murid akan melalui sistem pendidikan kebangsaan yang merupakan 'catchment area' bagi mengenal pasti bakat atlet dalam kalangan pelajar.

"Atlet-atlet yang menyerlah dalam program sukan di sekolah akan diserap di bawah Pusat Latihan Daerah (PLD) atau Sekolah Sukan Negeri (SSN)."

"Darinya, Majlis Sukan Negeri (MSN) akan melaksanakan program uji bakat bagi menyerap atlet-atlet berpotensi untuk menjalani latihan pembangunan sukan negeri, dan seterusnya diberikan pendedahan berterusan untuk mengikuti kejohanan-kejohanan sukan peringkat negeri atau antarabangsa," ucapnya pada sesi penggulungan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang bersidang baru-baru ini.

Tuntas itu, menurut Chong Eng, bagi

**CHONG Eng.**

mewujudkan kejayaan dalam melahirkan atlet-atlet berwibawa, jaringan kerjasama dari pelbagai pihak seperti Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri serta badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan lain turut memainkan peranan penting.

"Secara keseluruhannya, bagi membina atlet negeri yang berdaya saing, ia memerlukan komitmen serta kerjasama luas dan berterusan antara semua pihak bermula di bangku sekolah sehingga ke peringkat seseorang atlet mencapai kejayaan di arena antarabangsa."

"Semua pihak termasuk keluarga berperanan dalam mencungkil bakat anak-anak sejak kecil."

"Justeru, setiap murid digalakkan menyertai sukan dan ini sudah tentu akan membantu meluaskan bakat-bakat sukan yang ada di peringkat akar umbi," ujarnya.

Halal Penang, pacu kecemerlangan industri Halal negeri, dunia

GEORGE TOWN – Penang International Halal Hub (PIHH) Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Halal Penang berjaya mempromosi, sekaligus memacu kecemerlangan industri halal negeri di mata dunia.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, sejak penubuhan Halal Penang pada 2008, industri Halal di Pulau Pinang semakin berkembang pesat.

"Apatah lagi, perkembangan pesat ini bukan sahaja dalam penyediaan, malah perkhidmatan halal telah mewujudkan fenomena 'Blue Ocean Strategy' yang mengubah arus ekonomi dunia."

"Berdasarkan statistik MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia), nilai eksport bagi produk Halal Malaysia adalah RM42.2 bilion pada tahun 2016 dengan China dan Singapura sebagai destinasi eksport utama negara."

"Peningkatan nilai eksport ini adalah selaras dengan nilai pasaran halal global sebanyak USD3.2 trilion dan Pulau Pinang, sealiran dengan visi Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), menggalas tanggungjawab membangunkan industri Halal di Pulau Pinang selaras dengan dasar dan

perancangan Majlis Halal Malaysia," ujarnya ketika menyampaikan Ucapan Penggulungan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 baru-baru ini.

Jelas Abdul Malik, secara lokal, Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) Fasa 1 di Bukit Minyak telah mencatatkan nilai pelaburan halal sejumlah RM484 juta melalui pelaburan 10 syarikat pemprosesan makanan.

"Zon TPHPP seluas 100 ekar ini mendapat pengiktiran status HALMAS iaitu pengiktirafan akreditasi daripada Halal Industry Development Corporation (HDC) bagi membolehkan pengusaha industri menikmati pengecualian cukai dan duti import bahan mentah bagi pengeluaran produk mereka."

"Malah, Halal Penang dengan kerjasama PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan investPenang (iP) membangunkan Zon Makanan yang terletak di bahagian utara Taman Perindustrian Sains Pulau Pinang, Bukit Minyak dengan nilai pelaburan RM228.75 juta melalui 18 buah syarikat industri halal."

"Kini, Halal Penang sedang dalam proses mendapatkan pengiktirafan HALMAS bagi operasi industri makanan halal di zon berkaitan,"

jelasnya.

Begitu juga permohonan bagi pensijilan halal negeri ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung itu memberitahu, pada tahun 2008, hanya 55 syarikat yang membuat permohonan pensijilan halal, namun, sehingga suku pertama tahun 2017, lebih 921 syarikat mengemukakan permohonan.

"Permohonan ini merangkumi restoran, outlet makanan, industri pembuatan produk makanan, kosmetik serta farmaseutikal, logistik dan hotel."

"Malah, Halal Penang turut bekerjasama dengan MATRADE dan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) bagi menawarkan khidmat nasihat dalam pensijilan dan latihan halal kepada Jepun sebagai persiapan menjelang Olimpik 2020."

"Usaha ini adalah bertujuan menjadikan sukan berprestij tersebut sebagai acara 'Muslim Friendly' yang pertama dalam sejarah Olimpik," katanya yang juga Pengerusi Halal Penang.

Terkini, pada Mei lalu, Halal Penang telah mengadakan pertemuan dengan syarikat penternakan dari Hokkaido, Jepun yang bermintat untuk membangunkan industri penternakan lembu tenusu wagyu seperti diguna pakai di Australia.

Pembesaran PIA, keputusan permohonan dijangka suku keempat 2017 – Hock Seng

GEORGE TOWN – Keputusan bagi permohonan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dijangka akan diperoleh pada suku keempat tahun ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng bagi menjawab soalan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man dan ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 di sini

baru-baru ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri telah membuat permohonan melalui Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) tahun ini.

"Perkara ini sudahpun disuarakan kepada Kementerian Pengangkutan (MOT), dan diharap ia dapat pertimbangan segera memandangkan PIA telah mencecah kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang tahun lalu."

"Perancangan untuk menaik taraf PIA ini adalah supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada," jelasnya.

**LIM Hock Seng.**

Kali terakhir lapangan terbang itu dinaik taraf adalah pada 2012 dengan kos RM250 juta bagi menambah kemampuannya mengendalikan 5.0 juta penumpang daripada 3.5 juta penumpang sahaja sebelumnya.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Purata hasil padi per hektar semusim Pulau Pinang kedua tertinggi selepas Selangor - Afif

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Purata 5.8 metrik tan hasil padi per hektar semusim Pulau Pinang berada pada kedudukan kedua di belakang negeri Selangor.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun berkata, angka pencapaian negeri yang direkodkan ketika ini masih berkurangan berbanding sasaran 7 metrik tan sehektar semusim di peringkat nasional.

"Jumlah padi yang dihasilkan juga adalah mencukupi untuk menampung keperluan 87 peratus penduduk Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-13 baru-baru ini.

Selain itu, menurut Afif, sejumlah RM3.29 juta diperuntukan di bawah program-program pembangunan bagi tahun 2017.

Beliau memberitahu, angka itu merangkumi program Pembangunan Tanaman Padi (RM500,000); Pembangunan Tanaman Buah-Buahan (RM400,000); Pembangunan Sayur-sayuran (RM400,000); Pembangunan Petani Pelapis (RM50,000).



DR. AFIF BAHARDIN cuba mendapatkan rakaman gambar-gambar menarik pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-13 baru-baru ini.

Pembangunan lain-lain, Afif menyatakan bahawa, Tanaman Ekonomi seperti tanaman herba (RM200,000); Pembangunan Kawasan Kelapa termasuk kelulut (RM200,000); Program Perkhidmatan Kejuruteraan (RM250,000); Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan (RM180,000); Industri Ruminan (RM600,000); Rancangan Pembangunan Perkhidmatan Sokongan Penternakan

(RM100,000); Industri Nilai Tinggi seperti industri burung walit (RM230,000) dan Penternakan Industri Unggas (RM180,000).

"Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM300,000 bagi melahirkan modal insan, iaitu di bawah Pembangunan Khidmat Pengembangan," jelasnya.

Bagi pembangunan desa, maklum Afif, Kerajaan Negeri pada tahun 2017 telah membelanjakan hampir RM800,000 bagi Projek Khas Ekonomi termasuk RM91,229.21 bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan), Program Bina Baru Rumah Rakyat Miskin (RM501,100.00) dan Program Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin (RM195,209.60).

"Kerajaan Negeri akan terus membela keluarga kurang berkemampuan terutamanya yang berpendapatan isi rumah di bawah RM500 sebulan.

Berkenaan wabak denggi yang dibangkitkan ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan, Afif memaklumkan, sehingga April 2017, Pulau Pinang mencatat penurunan sebanyak 1,000 kes atau 61.4 peratus berbanding tempoh sama pada 2016.

"Sehingga April, kita (Pulau Pinang) cuma mencatatkan 628 kes berbanding 1,628 kes untuk tempoh sama tahun lalu, dan kita (Pulau Pinang) harap angka ini akan terus menurun," jelasnya.

Pasca AES, jurang kemiskinan menurun 13 peratus – Boon Poh

PADANG KOTA

- Kerajaan Negeri sejak 2009 hingga April tahun ini menyalurkan sejumlah RM23.6 juta kepada 1,461 orang miskin tegar, di bawah program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberitahu, Kerajaan Negeri berharap AES mampu mengurangkan jurang sosial membabitkan golongan miskin berdaftar.

"Pada tahun 2014, penurunan jurang kemiskinan mencatat 13 peratus dalam masa enam tahun," jelasnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-13 di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Boon Poh menyatakan bahawa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun lepas melaksanakan 374 operasi dan berjaya menyelamatkan 523 kutu rayau serta pengemis di negeri ini.

"Kerajaan Negeri mencadangkan satu program untuk menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan menempatkan golongan tersebut di



PHEE BOON POH (kiri) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus ketika di dewan makan DUN.

penempatan yang lengkap keperluan asas serta selesa sebagai permulaan.

"Selpas tamat tempoh penempatan, gelandangan ini diharapkan dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat.

"Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadang dikendalikan oleh NGO yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga mencadangkan konsep 'Community Care' yang mana golongan gelandangan mampu bekerja dan produktif diberikan bantuan kebajikan serta rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah sewa dan diberi galakan, peluang pekerjaan untuk hidup berdikari," ulasnya menjawab soalan dibangkitkan ADUN Permatang Berangan, Omar Abdul Hamid.

Pulau Pinang No.1, hasil pelancongan perubatan 2015 naik 5.55%

GEORGE TOWN - Hasil sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang pada tahun 2015 meningkat 5.55 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pencapaian itu meletakkan Pulau Pinang di kedudukan tangga nombor satu di Malaysia.

"Ia (peningkatan hasil sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang) berbeza daripada kedudukan dua pertiga (2/3) daripada keseluruhan (hasil) pelancongan perubatan (negeri) 15 tahun dahulu," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih dalam sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-13 baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang memainkan peranan utama dengan menguasai 42.75 peratus daripada hasil pulangan sebanyak RM390,694,625 daripada keseluruhan RM914,000,000 pada 2015, berbanding RM368,973,381 daripada keseluruhan RM777,000,000 pada 2014 (47.49 peratus).

Selain itu, beliau sekali lagi menyatakan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang

sebagai 'Bandaraya Perubatan'.

"Cadangan mendirikan hospital swasta yang paling besar di Malaysia sebanyak 1,000 buah katil dengan pelaburan RM2 bilion sangat sesuai dan sejajar dengan usaha dan cita-cita melayakkan Pulau Pinang sebagai 'Bandaraya Perubatan'," ujarnya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang mendedahkan bahawa seramai 6,684,034 pelancong dicatatkan masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) pada tahun 2016, berbanding 6,258,756 orang pada tahun sebelumnya.

Beliau dalam sesi penggulungan memberitahu, angka itu menunjukkan bilangan pelancong meningkat sebanyak 425,278 orang atau 6.79 peratus.

"Bagi tiga bulan pertama tahun 2017 pula, kedatangan pelancong dicatatkan adalah seramai 855,062 orang berbanding tempoh sama 2016, 789,916 orang.

"Peningkatan dicatatkan dalam tiga bulan pertama ini adalah seramai 65,147 pelancong bersamaan 8.2 peratus, dan kita berharap ianya akan semakin bertambah sehingga hujung tahun," katanya yang juga ADUN Batu

Lancang.

Tambah Heng Kiang, pelancong Indonesia ke Pulau Pinang bagi tahun 2016 merupakan bilangan teramai iaitu sejumlah 264,546 orang, diikuti Singapura (154,063), China (59,661), Jepun (24,065), Australia (20,232), Amerika Syarikat (17,099), United Kingdom (16,956), Thailand (15,471), Taiwan (14,225) dan India (7,401).

Tambah beliau, faktor-faktor peningkatan jumlah pelancong ke negeri ini antara lain adalah disebabkan kemasukan pelaburan-pelaburan pihak swasta serta pengiktirafan-pengiktirafan daripada agensi-agensi antarabangsa mengenai Pulau Pinang.

Justeru, Heng Kiang menyatakan bahawa Pulau Pinang yang dalam mencari mod pelancongan baharu ketika ini turut memberi tumpuan kepada sektor pelancongan perubatan (*medical tourism*).

"Pada tahun lalu sahaja, transaksi pelancongan perubatan mencatat RM458,262,629 juta bersamaan 347,100 orang, manakala pada 2015, transaksi dicatat RM390,694,625 juta bersamaan 302,430 orang.

"Peningkatan dicatatkan adalah sebanyak RM 67,568,004," ujarnya.

Pulau Pinang negeri keusahawanan, Guan Eng puji peniaga Islam sertai Souq Ramadan

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini merasmikan penganjuran kali ke-7 Penang Souq Ramadan 2017, program variasi sepanjang bulan Ramadan di negeri ini.

Ketika berucap, beliau memuji umat Islam yang terdiri oleh pelbagai bangsa melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan demi meraih untung sepanjang bulan Ramadan ini.

“Penang Souq Ramadan mencatatkan jumlah peningkatan penyertaan memberangsangkan setiap tahun, dan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penglibatan semua bangsa dalam bidang ekonomi dan perdagangan yang terdapat di Pulau Pinang.

“Peningkatan jumlah ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penglibatan semua bangsa dalam bidang ekonomi dan perdagangan



KETUA MENTERI, Abdul Malik Abul Kassim dan Rosli Jaafar bergambar kenangan bersama-sama para usahawan yang mengambil bahagian dalam penganjuran Penang Souq Ramadan 2017 di sini.

yang terdapat di Pulau Pinang,” ucapnya pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Penang Souq Ramadan 2017 di sini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

(MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan Pegurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

Menurut Guan Eng, pentadbirannya mahu **menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri**

keusahawanan, antaranya dengan menyediakan pelbagai program kebajikan untuk membantu golongan penjaja, seperti skim pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

“Kerajaan Negeri adalah adil untuk semua tidak kira bangsa dan agama... sebagai contoh, peruntukan pembangunan hal ehwal agama Islam telah meningkat sebanyak 84 peratus sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri ini.

“Sejak tahun 2008 hingga 2016, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) telah memperuntukkan sebanyak RM457.05 juta berbanding RM249.09 juta pada tahun 1999 hingga 2007,” katanya.

Souq Ramadan merupakan suatu penjenamaan dalam mengimarahkan bulan suci tersebut bagi aktiviti perniagaan makanan, pakaian, buffet berbuka puasa, penambahan ibadah dan program-program lain yang bermanfaat.

ZPP diaudit dengan ketat – YDP MAINPP

PANTAI JEREJAK – Orang ramai khususnya masyarakat Islam di negeri ini tidak perlu bimbang terhadap pungutan zakat dibuat Lembaga Zakat Pulau Pinang (ZPP) berikutan isu yang terpalit melibatkan badan tersebut baru-baru ini.

Saranan tersebut disuarakan Yang di-Pertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man ketika berucap dalam Program Sumbangan Nur Ramadan 2017/ 1438 Hijrah (kawasan pulau) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Halim Hussain; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Sazali Hussein, Ahli-ahli Majlis bagi MAINPP dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah ZPP.

Menurut Mohd. Salleh, beliau yakin isu pada awal Mei lalu hanya melibatkan individu tanda menjelaskan wang zakat.

“Ingin saya yakinkan orang ramai bahawa ZPP diaudit dengan ketat dalam mengetahui pengaliran wang, pembayaran kepada bantuan asnaf dan hal-hal berkaitan sebagaimana disyaratkan,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Mohd. Salleh dalam pada itu memberitahu, kutipan ZPP pada tahun lalu adalah berjumlah RM93 juta dan bagi 2017 (sehingga April), RM30 juta.



MOHD. SALLEH MAN (dua dari kanan) dan ABUL HALIM HUSSAIN (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Sumbangan Nur Ramadan 2017/ 1438 Hijrah (kawasan pulau) di sini baru-baru ini.

Rangka 'Penang Woman' sah dari Zaman Neolitik, berusia 5,710 tahun, umum KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Bahagian tengkorak dimahsyurkan sebagai 'Penang Women' yang dijumpai di Guar Kepah pada pertengahan bulan lepas menunjukkan rangka tersebut berusia 5,710 +/- 30 SM.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Radiokarbon Beta Analytical Lab berpengkalan di Florida, Amerika Syarikat (AS) yang mengesahkan perkara tersebut dalam laporan makmalnya pada 17 Mei lalu.

Guan Eng membuat pengumuman itu dalam sidang media bersama-sama Pengarah Pusat Pengajian Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Datuk Dr. Mohd. Mokhtar Said yang mengetuai kerja-kerja penyelidikan di Guar Kepah.

“Mulai hari ini, kita akan anggap beliau sebagai ketua penyelidik di tapak arkeologi Guar Kepah.

“Laporan terkini yang diterima pada 17 Mei 2017 adalah isotop bagi Carbon dan Nitrogen (C:N) memberi nilai yang baik dan tidak tercemar, iaitu 3.2 (spesifikasi standard di antara 2.9 hingga 3.6),” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, selepas majlis istiadat pembukaan persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini tbaru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga ADUN Perai dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Barathi.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut mengumumkan pemberian RM50,000 peruntukan khusus untuk kerja-kerja penyelidikan lanjut di tapak penemuan arkeologi tersebut.

Mohd. Mokhtar kemudian menyatakan bahwa buat pertama kali selepas era 1951-1961, penemuan terbesar iaitu kejayaan menjumpai semula struktur bukit kerang (*shell midden*) di bahagian dasar yang



KAJIAN yang sedang dijalankan di tapak arkeologi Guar Kepah di sini. (Gambar ihsan: PPAG, USM).

dipenuhi oleh artifak tembikar dan alat batu.

“Bukit kerang, dikatakan berketinggian 10 kaki, rekod daripada British yang membuat kajian awal, tiba-tiba kita jumpa 1 meter yang lebih bawah di bahagian dasar.

“Di luar jangkaan saya, saya ingat (bukit kerang) ini dah habis semua pupus.

“Guar Kepah merupakan tapak ekskavasi arkeologi pertama di Malaysia yang telah dijalankan oleh Sir G. W. Earl pada tahun 1860.

“(Tengkorak 'Penang Woman' ini) maknanya mewakili masyarakat Zaman Neolitik, hampir ke-6000 tahun dahulu.

“Hasil penemuan ini, kita dapat membayangkan bagaimana lengkapnya galeri arkeologi Guar Kepah nanti, suka saya mencadangkan bukit kerang ini berada di situ (tempat asalnya) di dalam galeri ini nanti (bersama-sama) rangka ('Penang Woman') ini nanti dan bahan-bahan tembikar di situ,” jelasnya.

Kedudukan tapak arkeologi Guar Kepah dekat Penaga yang tidak jauh dari sungai dan laut, Mohd. Mokhtar menjelaskan, masih terlalu awal mengaitkannya dengan kewujudan 'Tamadun Gangsa' yang ditemui Lembah Bujang, jika berdasarkan penemuan-penemuan terbaru oleh pasukan penyelidikan beliau.

Logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di perumahan awam semarak semangat kecintaan terhadap Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

DATUK KERAMAT - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mahu mesej 'Saya Pulau Pinang' yang dilaungkan kepimpinan negeri sejak Menteri Wilayah Persekutuan berhasrat menjadikan negeri ini sebagai Wilayah Persekutuan sampai ke akar umbi.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pengecatan Logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di Skim Perumahan Awam Negeri Taman Free School di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, mesej 'Saya ❤ Pulau Pinang' yang dilaungkan oleh rakyat Pulau Pinang sejak Februari lalu akan tetap diteruskan oleh pimpinan negeri sama ada di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), mahupun (di peringkat) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

"Mesej ini (Saya ❤ Pulau Pinang) memberikan gambaran bahawa rakyat Pulau Pinang menyokong dan mempertahankan kedaulatan negeri.

"Malah, ia juga memberikan pesanan jelas buat Tengku Adnan (Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor) bahawa hasrat beliau itu langsung tidak diterima oleh 1.6 juta rakyat Pulau Pinang," katanya yang

turut memuji inisiatif semua pihak dalam menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menunjukkan rasa cinta terhadap negeri.

Selaras dengan #UntukNegeriKita, Guan Eng menyatakan bahawa inisiatif mengecat logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di skim-skim perumahan awam negeri harus dipuji.

"Inisiatif dicadangkan oleh Exco Perumahan, Jagdeep Singh Deo akan menyemarakkan lagi semangat kecintaan rakyat terhadap negeri Pulau Pinang.

"Oleh itu, sejumlah RM220,590.20 diperuntukan bagi menjayakan inisiatif ini di 45 blok skim perumahan awam di kelima-

lima daerah di Pulau Pinang.

"(Dan) dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Oktober ini," jelasnya yang turut menyempurnakan gimik 'sentuhan akhir' mengecat logo 'I ❤ Penang' di Blok KC dekat sini.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Pengarah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), Dr. Mohamad Farazi Johari serta JKPK setempat.

Dalam pada itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana memberi sokongan terhadap cadangan beliau berkaitan.

Malah, beliau turut mencadangkan supaya program pengecatan logo berkaitan diperluaskan ke skim-skim perumahan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Sungguhpun Taman Free School menjadi perintis projek membabitkan skim perumahan di bawah Bahagian Perumahan,



RUPA bentuk logo yang siap dicat.

saya turut berasa, ia wajar diperluaskan kepada skim perumahan lain di bawah PDC," ujarnya.

Projek pengecatan logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' akan diteruskan di skim perumahan awam negeri di Padang Tembak, Kampung Melayu, Paya Terubong dan Taman Tun Sardon.

Di bahagian Seberang Perai pula, projek akan dilaksanakan di skim perumahan awam negeri di Mak Mandin, Jalan Mohamad Saad Othman, Simpang Ampat, Jawi, Nibong Tebal dan Taman Tun Dr. Awang, Bagan Ajam.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan barisan pengangur serta ahli jawatankuasa setempat pada Majlis Perasmian Pengecatan Logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' dekat Skim Perumahan Awam Negeri Taman Free School di sini baru-baru ini.

PBAHB sasar kurang 10% penggunaan air domestik

GEORGE TOWN - Perbadanan Bekalan Air Holding Berhad (PBAHB) menyasar mengurangkan penggunaan air domestik sebanyak 10 peratus perkapita, iaitu daripada 286 liter/kapita/hari (l/k/h) kepada 257 (l/k/h) tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, Pulau Pinang sedang mempergiatkan strategi pengurusan permintaan air (WDM) untuk memastikan bekalan air yang mencukupi sehingga tahun 2020.

"WDM ini merujuk kepada amalan bagi menggalakkan pengguna air domestik menggunakan air dengan bijak.

"Pendekatan ini akan menyokong pengurusan air yang mampan, pemuliharaan air dan pengurusan kos yang cekap," ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-17 PBAHB di sini 23 Mei lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merangkap Pengerusi PBAHB; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Pengerusi PBAHB) dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (Ahli Lembaga Pengarah PBAHB).

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, pada tahun 2016, kapita penggunaan air domestik Pulau Pinang merupakan yang tertinggi di Malaysia dengan catatan 286 l/k/h. Ia adalah 36.8 peratus lebih tinggi daripada purata negara iaitu 209 l/k/h pada

2015 dan 93.2 peratus lebih tinggi daripada yang direkodkan di Singapura (148 l/k/h).

"Justeru, sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan permintaan air, PBAHB akan melaksanakan beberapa inisiatif ke arah tujuan tersebut," jelasnya.

Jaseni memberitahu, pihaknya telah menggariskan tiga inisiatif pengurusan permintaan air untuk Pulau Pinang.

"Bagi meningkatkan Surcaj Pemuliharaan Air (WCS), pihak PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) telah memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) agar menyemak semula WCS Pulau Pinang kepada RM1.00 bagi setiap 1,000 liter, hanya kepada penggunaan domestik melebihi 35,000 liter.

"WCS ini tidak akan menjelaskan kira-kira 75 peratus daripada pengguna domestik, yang mana rata-ratanya kegunaan kurang daripada 35,000 liter sebulan.

"Kedua, mempromosikan alat penjimat air (WSD). WSD ini telah dipromosikan di negara seperti Australia, Hong Kong, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat bahawa selepas pemasangannya, WSD mampu mengurangkan penggunaan air sehingga 70 peratus.

"Dan, yang terakhir ialah melalui pendidikan awam untuk meningkatkan kesedaran pengguna. Sokongan orang ramai dan kerjasama mereka adalah penting bagi kejayaan inisiatif WDM ini," seru beliau.

(Rujuk juga muka 1).

Exco lawat kanak-kanak mangsa kemalangan

ZIARAH... Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini meluangkan masa hampir satu jam melawat dua beradik yang menjadi mangsa kemalangan di Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini.

Pada lawatan tersebut, Afif turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada kedua-dua adik-beradik, Khairiyah Alisha Mohd. Khosim, 10, dan Khaira Amni Mohd. Khosim, satu tahun enam bulan.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri melahirkan rasa takziah dan menzahirkan rasa sedih atas apa yang menimpak kedua-dua adik-beradik ini.

"Saya juga ingin memuji sikap dedikasi kakitangan Hospital Seberang Jaya dan

HPP yang saya sifatkan sebagai memberi rawatan terbaik kepada kedua-dua kanak-kanak ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam naahas 28 April 2017, kira-kira jam 5:30 petang, lori yang dinaiki oleh bapa mangsa, Allahyarham Mohd. Khosim Ismail, 32 bersama-sama ibu mereka, Allahyarhamah Khairunnisa Ahmad Kamaluddin, 31, bertembung dengan sebuah lori lain di lorong kecemasan di Kilometer 150, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah Utara.

Khairiyah Alisha dan Khaira Amni yang turut berada dalam lori tersebut patah kaki dan kini dilaporkan stabil.

Difahamkan, keluarga mangsa berasal dari Felda Utara 3, Jerantut, Pahang.



DR. AFIF BAHARDIN (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan terhadap dua kanak-kanak di HPP di sini baru-baru ini.

'Jejantas sotong' dijangka siap sepenuhnya Ogos

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Jejantas berbumbung pejalan kaki di persimpangan Jalan Penang, Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Jalan Burma atau lebih dikenali sebagai 'jejantas sotong', dijangka siap sepenuhnya dan dibuka kepada orang ramai Ogos ini.

Perkara tersebut diumumkan Pengarah Eksekutif Ensignia Construction Sdn. Bhd. (Ensignia), Lim Gik Chay ketika menemani Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengadakan lawatan ke tapak projek naik taraf tersebut di sini 26 Mei lalu.

Bercakap kepada wakil media, Gik Chay menyatakan, pihaknya mengalami beberapa masalah hingga menyebabkan kelewatan projek berkaitan selama hampir setahun.

Menurut beliau, kelewatan projek tersebut adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya kegiatan vandalism yang mana telah berlaku kecurian ke atas kabel pendawaian, peralatan lif serta tangga bergerak.

"Oleh kerana sebahagian besar

peralatan-peralatan pendawaian dan kabel ini perlu diimport dari luar negara, maka kes kecurian ini telah menjelaskan kemajuan kerja-kerja menaik taraf di tapak dan kita memerlukan sekurang-kurangnya enam bulan untuk proses tuntutan insurans, penyiasatan dan mendapatkan bekalan gantian IGB Corporation Berhad.

"Selain itu, aktiviti pembinaan tidak boleh dijalankan secara serentak ekoran jejantas ini masih digunakan oleh orang awam, justeru, ia perlu dinaik taraf satu demi satu dan hanya boleh dilakukan (dinaik taraf) pada waktu malam sahaja di atas faktor keselamatan (orang awam).

"Malah, semasa kerja-kerja awalan dimulakan pada Ogos 2015, kontraktor terbabit perlu memastikan bahawa kabel, saluran, paip utiliti ditempatkan semula seupaya bekalan air, elektrik dan talian telekomunikasi kepada orang awam tidak terjejas.

"Faktor-faktor ini telah melewatkan kerja-kerja pembinaan di tapak," jelasnya pada sesi lawatan berkaitan.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon

Yeow, Teh Lai Heng (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung), Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan John Slater Bailey (Pengarah Reka Bentuk IGB Corporation Berhad).

'Jejantas sotong' berkenaan dibina pada 1993 dengan kos pembinaan sejumlah RM1.25 juta.

Kini, projek naik taraf tersebut mendapat tajaan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ensignia iaitu anak syarikat IGB Corporation Berhad dengan kos berjumlah RM6 juta.

Apabila siap kelak, jejantas berkenaan bakal dilengkapi dengan kemudahan lif, tangga bergerak (*escalator*) serta kemudahan-kemudahan khas untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan penghargaannya kepada pihak Ensignia dan IGB kerana menaja keseluruhan projek menaik taraf jejantas pejalan kaki ikonik tersebut.

"Walaupun ia bukanlah khabar gembira apabila projek ini mengalami kelewatan hampir



RUPA bentuk baharu 'jejantas sotong' di persimpangan Jalan Penang, Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Jalan Burma yang sedang giat dinaik taraf di sini.

setahun, namun kita (Kerajaan Negeri) mengambil maklum akan masalah-masalah yang dihadapi.

"Kerajaan Negeri faham akan jadual mereka (kontraktor), tetapi

kita (Kerajaan Negeri) juga perlu fahami masalah dan kesukaran yang dihadapi pengguna. Diharap projek ini akan siap seperti mana yang dijadualkan," ujarnya.

Tiada penjawat awam dibuang kerja, sebaliknya ditambah

SUNGAI DUA - Tiada seorang pun penjawat awam disingkirkan selepas pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpindah tangan di bawah Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sejak Mac 2008.

Justeru, Guan Eng memberitahu, rakyat khususnya penjawat awam dirayu memberi sokongan kepada Pakatan Harapan tanpa perlu bimbang dengan risiko hilang pekerjaan, jika pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tumbang melalui proses dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

"Apabila kita ambil alih tumpuk pemerintahan Kerajaan Negeri, kita tidak buang walaupun seorang pegawai kerajaan atau anggota pentadbiran awam.

"Mana ada kita buang anggota pentadbiran awam, sebaliknya, kita tambah lagi seperti di MPSP, kerja-kerja pembersihan 100 peratus diambil alih dan diisi oleh warganegara," ujarnya pada Majlis Pelancaran Pusat Khidmat Komuniti Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri sejak 2010 menambah bilangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) menjadi 291 jawatankuasa dengan keanggotaan seramai 4,500.

"Pada tahun 2016, perbelanjaan pengurusan JKKK termasuk eluan-eluan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM6,362,160, berbanding Kerajaan

dahulu (BN sebelum tahun 2008) hanya RM788,940.

"Peruntukan pengurusan JKKK bagi tahun 2017 sebanyak RM6.5 juta...elaun pengurus dinaikkan daripada RM450 kepada RM700 sebulan, begitu juga elaun Setiausaha daripada RM150 kepada RM600 sebulan, elaun kehadiran mesyuarat bagi anggota JKKK daripada RM30 dan kini RM50 bagi setiap kali hadir mesyuarat," jelasnya sambil menggesa semua anggota JKKK negeri mengukuhkan sokongan rakyat kepada Pakatan Harapan.

Sebelum itu, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Tuan Haji Mohamad Sabu menyatakan bahawa rakyat harus berani membawa perubahan pada PRU14 secara proses pilihan raya.

Tambah beliau, jika Pakatan Harapan juga tidak mampu mentadbir negara selepas ini, rakyat mempunyai kuasa untuk menumbangkan pakatan politik itu menggunakan proses pilihan raya juga.



KETUA Menteri, Mohamad Sabu dan barisan jemputan bergambar kenangan pada Majlis Pelancaran Khidmat Komuniti Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Beri lesen judi bidang kuasa Pusat, respons Guan Eng

GEORGE TOWN - Isu percambahan pusat judi haram di Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong jika benar-benar berlaku, sepatutnya ditangani oleh Kerajaan Persekutuan sendiri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyanggah kenyataan Menteri berkenaan berjudul '*Wee: Crackdowns need collaboration*' yang dilaporkan dalam media atas talian pada 30 Mei lepas.

"Isu judi haram di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, maka perlulah ditangani oleh Kerajaan Pusat, dan bukan babit Kerajaan Negeri.

"Lagipun, CPO (Ketua Polis Negeri) telahpun nafi bahawa Pulau Pinang paling banyak ada aktiviti pusat judi haram," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Justeru, Guan Eng mendesak Ka Siong yang juga Timbalan Presiden MCA memberi respons lanjut kepada CPO, dengan mengemukakan bukti-buktinya mengenai tuduhannya itu yang membabitkan kepentingan awam di Pulau Pinang.

Sementara itu, dalam sidang media berasingan, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengatasi masalah pusat judi haram di negeri ini.

Menurutnya, langkah tersebut turut akan disokong oleh Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Kita (Kerajaan Negeri) memang sedia bekerjasama dengan pihak polis bagi mengatasi masalah ini.

"Kerajaan Negeri akan serah kepada polis untuk menguruskannya kerana mereka yang beroperasi secara haram yang tidak mempunyai lesen, hanya pihak polis boleh mengambil tindakan.

"Dan tentu kita (Kerajaan Tempatan) akan berikan kerjasama dan sokongan termasuk daripada MBPP mahupun MPSP," ujarnya.

Tambah Guan Eng, selain menjalin kerjasama bersama-sama pihak polis, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif untuk mengharamkan perniagaan tersebut dan menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab mengeluarkan lesen judi.

"Lesen judi dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Jadi, saya tak faham mengapa Datuk Wee Ka Siong (Timbalan Presiden MCA) menyatakan bahawa perkara ini serius di Pulau Pinang.

"Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri tak mengeluarkan sebarang lesen judi, oleh itu tuduhan itu kita (Kerajaan Negeri) rasa hanyalah sebagai serangan politik.

"Sedangkan kita (Kerajaan Negeri) tahu yang ada masalah adalah negeri lain, tetapi beliau (Ka Siong) cuba alihkan perhatian daripada masalah negeri lain dan tumpu kepada Pulau Pinang," jelasnya.

Demokrasi Radikal dalam Demokrat Muda

Oleh : PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG (PYDC)

BAGAIMANA untuk kita menentukan sikap dalam suasana politik Malaysia yang berubah dengan dramatik kini? Apakah justifikasi untuk membenarkan tindakan bersekutu dengan tokoh dan kumpulan yang sebelum ini dikatakan sebagai musuh politik tradisi? Mengapa timbulnya istilah politik matang? Bagaimana mengukur kematangan berpolitik?

Semua soalan di atas adalah antara persoalan penting yang dibincang dan diterokai secara bersama oleh para peserta Bengkel Demokrat Muda anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC). Melalui bengkel ini para peserta yang terdiri daripada anak muda berusia antara 18-30 tahun didekah dengan konsep-konsep asas dalam teori demokrasi bersama contoh-contoh semasa yang praktikal.

Menariknya, melalui pendekatan permainan interaksif dan aktiviti berkumpulan ini, para peserta yang datang daripada pelbagai latar belakang pendidikan, pekerjaan, dan kaum berpeluang untuk sama-sama memberikan pandangan dan mencabar konvensi-konvensi sedia ada. Namun, ini tidak bermaksud Demokrat Muda adalah platform doktrinasi mana-mana jalur pandangan politik kepartian. Hal ini kerana, Demokrat Muda bukan sahaja tidak pernah memeriksa latar politik bakal pesertanya, malah menggalakkan peserta daripada pelbagai jalur pandangan politik, sama ada yang menyertai parti, maupun tidak untuk ikut serta. Di Demokrat Muda, perbezaan pandangan bukan sahaja dihormati malah diraikan.

Lalu apakah matlamat akhir siri latihan Demokrat Muda ini? Demokrat Muda percaya kepada prinsip-prinsip asas demokrasi – kemampuan setiap individu untuk menggunakan fakulti akal rasional bagi membuat keputusan terbaik secara kolektif. Maka, melalui pendekatan ini, Demokrat Muda berharap untuk membentuk lapisan anak muda yang memiliki kefahaman demokrasi yang kukuh dan bersikap kritikal terhadap mana-mana pandangan, baik daripada pembangkang, maupun kerajaan. Hanya dengan adanya masyarakat yang aktif dan kritikal, kita dapat membentuk politik yang bertanggungjawab (*accountable*) dan telus (*transparent*).

Siri Bengkel Demokrat Muda bagi sesi 2016 telah diadakan sebanyak tiga siri dan telah berjaya menghimpunkan lebih 60 orang peserta. Manakala bagi tahun 2017,



PARA peserta Bengkel Demokrat Muda bergambar kenangan dengan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee (duduk).

sasarannya adalah untuk menganjurkan lima siri bengkel untuk mencapai 100 orang anak muda di Pulau Pinang dan di luar Pulau Pinang. Sehingga Jun 2017, tiga bengkel telah diadakan dan baki dua bengkel lagi akan diadakan selepas Raya Aidilfitri.

Setelah peserta didekah dengan konsep-konsep asas demokrasi ini, para peserta terpilih akan ditawarkan untuk menyertai Sidang Muda – satu platform untuk anak muda merasai pengalaman membahaskan usul di Dewan Undangan Negeri dan dalam masa yang sama berinteraksi dengan kepimpinan Negeri. Di sini mereka berpeluang menterjemahkan segala konsep yang dipelajari bersama dalam bentuk praktikal.

Meskipun Sidang Muda hanya merupakan simulausi perbahasan, namun setiap usul dan perbahasan mereka tetap diambil serius dan diberi pertimbangan sewajarnya. Bagi membuktikan kesungguhan ini, hasil kerjasama dengan Pejabat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Dipertua Dewan sendiri yang mempengaruhi sidang perbahasan tersebut. Pada sesi 2016, seramai 20 orang Ahli Sidang Muda telah terpilih untuk mengikut program selama

tiga hari dua malam yang mengujakan ini. Banyak usul dan cadangan menarik yang telah dibahaskan oleh para ahli. Bagi sesi 2017 ini, Sidang Muda dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan September.

Mudahnya, Demokrat Muda ini adalah satu usaha oleh PYDC untuk mendedahkan anak muda dengan demokrasi radikal dalam pengertian Ernesto Laclau dan Chantal Mouffe. Di sini, radikal bukan bermaksud ekstrem, tetapi akar atau teras (bahasa Latinnya *radix*) iaitu demokrasi dengan pengertian sebenar dan bagaimana ia diterjemahkan dalam bentuk amalan di Malaysia ini. Justeru itu, bagi anak muda yang berminat untuk kembali kepada konsep-



SUASANA ketika berlangsungnya 'persidangan'.

konsep asas ini sertaialah Demokrat Muda dengan menghubungi Sekateriat di talian / WhatsApp +6012-4010 186 atau email kepada sidangmuda@gmail.com. Jumpana ada di bengkel seterusnya!

PBAHB catat PAT kira-kira RM61.8 juta - Jaseni

PANTAI JEREJAK – Perbadanan Bekalan Air Holdings Bhd (PBAHB) mencatatkan perolehan syarikat berjumlah RM326.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dengan peningkatan sebanyak 8.8 peratus, berbanding RM300.3 juta yang dicatatkan pada tempoh sama pada tahun 2015.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, dengan perkembangan positif tersebut, PBAHB mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah kira-kira RM61.8 juta.

“Oleh itu, kira-kira RM13.2 juta daripada PAT ini akan dibayar dalam bentuk dividen kepada 8,961 pemegang saham.

“Manakala, baki RM48.6 juta akan diperuntukan untuk tujuan membiayai projek-projek bekalan air kritis di Pulau Pinang dalam usaha kita (PBAHB) memastikan tidak akan ada catuan air di negeri ini,” ujarnya kepada

pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB Ke-17 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengurus PBAHB, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I merangkap Timbalan Pengurus PBAHB) dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah PBAHB iaitu Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan).

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, antara projek utama yang akan dibiayai PAT adalah pemasangan projek saluran paip dasar laut ketiga dari Butterworth ke George Town.

“Pemasangan paip ini akan meningkatkan kapasiti PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) untuk menyalurkan air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai bagi kawasan pembangunan di Pulau Pinang.



IR. Jaseni Maidinsa.

“Ia juga akan bertindak sebagai ‘penyelamat’ kepada paip saluran pertama yang dilaksanakan pada tahun 1973.

“Dengan kata lain, projek saluran paip dasar laut ketiga ini, direka bentuk dengan kapasiti 350 juta liter sehari (JLH), akan meningkatkan jaminan tiada catuan air di Pulau Pinang terutamanya ketika musim kemarau berpanjangan,” jelas beliau.

Bengkel ini mendedahkan konsep dan praktik demokrasi, aktivisme dan governan secara interaktif dan menyeronokkan!

PERCUMA!

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
BENGKEL DEMOKRAT MUDA

MOHON SEKARANG!
18-30 tahun sahaja

Boleh Permohonan: goo.gl/XIEz1X
Hubungi: sidangmuda@gmail.com atau +6012-401 0186

 PYDC Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang Penang Youth Development Corporation (PYDC)

*Deposit pendaftaran sebanyak RM50 (dikembalikan pada penghujung program)

Tanggungjawab Muslim melawan sikap melampau

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Felo Penang Institute

SAMBIL kaum Muslimin menyambut mulanya bulan Ramadan pada tahun ini, kita dikejutkan dengan letupan bom oleh pembunuhan nekad di Manchester, United Kingdom yang meragut nyawa 22 orang hadirin konsert, kebanyakannya kanak-kanak. Kemudian disusuli pula dengan serangan terhadap Kristian Coptic di Mesir yang meragut 28 nyawa. Tidak jauh dari rumah kita pula, kumpulan pengganas melakukan keganasan di Mindanao, selatan Filipina. Yang terbaru, enam orang terbunuh akibat dua serangan di pusat bandar London, United Kingdom.

Puluhan orang telah terkorban akibat serangan-serangan yang berlaku di serata dunia, baik Muslim maupun bukan Muslim. Namun, yang lebih mendukacitakan, kesemua serangan tersebut telah dilakukan atas nama Islam. Salman Abedi, penyerang nekad di Manchester didakwa berulang-alik ke Libya dan mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda. Manakala, kumpulan pengganas ISIS mengaku sebagai dalang dalam serangan di Mesir dan Abdullah Maute turut dikaitkan dengan gerakan pemisah Islam kepulauan Mindanao. Mangsa-mangsa di London pula menceritakan bagaimana pengganas menggunakan nama Islam sewaktu menyerang mereka.

Yang jelasnya, kesemua pengganas tersebut telah mengkhianati nama baik Islam serta pesanan asas Al-Quran yang mengajar umatnya untuk mencintai keamanan.

Sikap melampau makin menular

Bahaya sikap pihak pengganas ini bukan sekadar ancaman kepada nyawa orang tidak bersalah, tetapi juga keaiban terhadap nama Islam yang kini sering dikaitkan dengan tindakan melampau.

Malangnya, sikap buruk ini sudah pun menular di negara kita sendiri. Ambil sebagai contoh peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini di mana seorang kakitangan awam telah dihina dan ditampar di perkarian masjid selepas solat Jumaat. Lagi memalukan apabila pihak penyerang itu merupakan sebahagian daripada penyokong NGO yang kononnya memperjuangkan Islam.

Kejadian ini berlaku ekoran demonstrasi di luar masjid tersebut di mana pihak NGO tersebut telah menyarankan agar Ketua Menteri Pulau Pinang dilarang daripada menghadiri majlis berbuka puasa kecuali beliau masuk Islam. Seolah-olah salah bagi bukan Muslim untuk makan bersama dengan rakan-rakan Muslim!

Yang sedihnya, seruan ini dibuat oleh pemimpin NGO yang pernah sendiri memegang jawatan dalam parti Islam. Dalam erti kata lain, beliau sepatutnya lebih memahami mengenai hukum-hakam Islam dan tidak harus mengelirukan orang ramai dengan pendirian yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain peristiwa ini, sebuah laporan polis juga telah dibuat baru-baru ini kerana membantah kehadiran ahli parlimen bukan Muslim di masjid walaupun beliau memberi sumbangan kepada masjid selaku wakil rakyat tempatan. Apakah yang sudah berlaku

Serambi
PENANG
INSTITUTE
making ideas work

kepada masyarakat kita sehingga perkara yang selama ini merupakan kelaziman kini tidak boleh diterima?

Kebesaran Islam

Sikap melampau yang makin terserlah dalam kalangan masyarakat kita ini amat mengecewakan, lagi-lagilah sewaktu kita bakal menyambut ulangtahun ke-60 sebagai

bangsa yang merdeka. Setelah enam dekad, kerencaman kaum dan agama dalam masyarakat kita sepatutnya menjadi sesuatu yang diraikan dan bukan titik pertikaian.

Oleh itu, kita mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai Muslim. Pada saat ada usaha untuk mengaitkan Islam dengan keganasan, apalah lagi pada bulan yang mulia dan penuh berkat ini, adalah baik kita melawan anasir ini bukan dengan penampar tetapi dengan memaparkan Islam yang berjiwa besar.

Biarlah amal ibadat kita dalam bulan Ramadan ini



MENYAMPAIKAN sumbangan Ramadan di Sri Tanjung Pinang.



KETUA Menteri sambil diiringi Zairil Khir Johari (berbaju Melayu hijau) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan kerusi roda kepada salah seorang penerima pada Majlis Berbuka Puasa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dekat Masjid Kampung Baru di sini baru-baru ini.

d i g a n d i n g k a n dengan penghayatan kepada nilai-nilai Islam yang sebenar. Apakah kita percaya b a h a w a N a b i M u h a m m a d membawa agama yang penuh dengan kemarahan dan ugutan terhadap kaum dan agama lain? Sebaliknya, N a b i t e l a h memperkenalkan Islam yang ramah, toleran dan rasional di tengah kejumuhan d a n k e f a s i q a n bangsa Arab.

Sifat-sifat inilah yang menjadi asas

kepada kekuatan agama Islam. Maka, tidak hairanlah bahawa ayat pertama Al-Quran yang diturunkan pada malam 17 Ramadan bukanlah menyeru manusia untuk beriman tetapi membaca:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.” (Al-Alaq:1-2)

Demikian juga dengan banyak ayat-ayat dalam Al-Quran yang penuh dengan seruan kepada manusia untuk berfikir. Begitulah Allah meletakkan tingkat akal dalam kalangan umat Islam.

Justeru, daripada kita terus mencerca, mengugut dan mendominasi mereka yang tidak berdaya untuk membela, marilah kita jadikan bulan yang penuh berkat ini sebagai kesempatan terbaik untuk membuang sikap yang merugikan ini dan mengambil iktibar daripada ajaran Nabi dan kitab Al-Quran yang mementingkan dialog dan kesefahaman, agar dapat kita menzahirkan kemurnian dan keindahan agama Islam yang sebenar.



Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ramli Omar ramliomar53@gmail.com	012 - 487 3070
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	101		
	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
	04-263 7000	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
KASTAM	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
IMIGRESEN	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	CAP	04-829 9511
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 012 - 445 1767	- Muazah	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Permatang Berangan	: 012 - 505 1334	- Farrah Erika	N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	: 016 - 412 8588	- Zuhair	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	: 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28	KOMTAR	: 010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29	Datok Keramat	: 04 - 226 2464	- Razin
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Kalvinder
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Shuen
N11	Permatang Pasir	: 010 - 406 2128	- Nurafiqah	N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Karuna
		013 - 595 6865	- Rosli	N33	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N12	Penanti	: 04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong	: 012 - 4730736	- Anne Janet
N13	Berapit	: 016 - 401 3507	- Mr.Lim	N35	Batu Uban	: 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
		017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee	N36	Pantai Jerejak	: 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N14	Machang Bubuk	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin	N37	Batu Maung	: 016 - 480 0232	- Jalal
		012 - 473 0964	- Ikhwan	N38	Bayan Lepas	: 016 - 487 8602	- Khairul Sathyra
N15	Padang Lalang	: 017 - 552 8928	- Chan	N39	Pulau Betong	: 016 - 444 3550	- Aliiff / Shamsudin
N16	Perai	: 014 - 945 9786	- Lai	N40	Telok Bahang	: 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N17	Bukit Tengah	: 04 - 383 9131	- Sri Sangar				- Danny Ho
N18	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120	- Lim Tuan Chun				- Yusof Ismail
		017 - 378 4448	- G.Dumany				- Aidi Akhbal
N19	Jawi	: 017 - 408 4784	- Khor				- Johan Abu Bakar
		012 - 456 5018	- Abdul Halim				
N20	Sungai Bakap	: 019 - 552 8689	- Mr. Khor				
		0					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Jun - Okt. 2017**



15hb Jun - 15hb Oktober
Pesta Durian
Anjung Indah, Balik Pulau

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Exco Agama kecam tindakan demonstrasi NGO

GEORGE TOWN – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim mengecam tindakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak memburuk-burukkan Ketua Menteri Pulau Pinang ketika demonstrasi selepas solat Jumaat, 26 Mei lalu di hadapan Masjid Simpang Enam dekat sini.

Abdul Malik berkata, tindakan tersebut adalah ekoran dakwaan mereka kononnya Ketua Menteri Pulau Pinang mencampuri urusan fatwa negeri.

“Sudah berkali-kali isu ini diperjelaskan termasuk Mufti (Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor) telah tampil memberikan penjelasan berhubung isu ini.

“(Dan) saya amat kesal serta mengecam tindakan mereka yang melontarkan tohmannan termasuk menghalang Ketua Menteri untuk menghadiri majlis berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan.

“Sedangkan seperti kelaziman sejak tahun 2008, Ketua Menteri, Y.A.B. (Tuan) Lim Guan Eng akan menghadiri majlis berbuka puasa, malah, menyampaikan beberapa bantuan untuk perkembangan hal ehwal Islam ketika menghadiri majlis bersama rakyat itu,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, tindakan pengurus NGO berkaitan, jauh menyimpang daripada ajaran Islam.

“Melarang seseorang yang bukan Islam menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama orang Islam bukanlah ajaran Islam.

“(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, kita akan teruskan usaha meningkatkan kefahaman agama di Pulau Pinang serta menolak sikap pelampau agama sebegitu,” jelasnya.

Sementara itu, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail turut membidas tindakan kumpulan tersebut yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam.

“Kita (Pakatan Harapan) cuba mewujudkan hubungan yang baik dalam rangka keharmonian agama yang mencintakan kedamaian.

“Hal yang berlaku baru-baru ini jelas bercanggah...ajaran Islam ini mudah, tetapi boleh sahaja dikelirukan oleh penganutnya yang obses terhadap sesuatu perkara.

“Saya percaya, di Pulau Pinang, usaha ke arah keharmonian antara pelbagai kaum telah lama dilaksanakan dan akan diteruskan demi memberikan perspektif yang benar berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah,” ujanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Changkat Jering, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin yang turut serta dalam sidang media berkaitan turut memberi pandangan sama.

“Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah menunjukkan amalan yang baik dengan berbuka puasa bersama-sama orang Islam di Pulau Pinang.

“Inilah amalan yang dibuat oleh pimpinan negara-negara hebat, sebagai contoh bekas Presiden Barrack Obama pernah



ABDUL Malik Abul Kassim.

mengadakan majlis rumah terbuka di Rumah Putih (Amerika Syarikat) dan mengajak orang bukan Islam turut serta.

“Begitu juga Perdana Menteri Singapura baru-baru ini berbuka puasa bersama-sama umat Islam di salah sebuah masjid di Singapura.

“Bahkan, diunjurkan supaya kita berbuka puasa beramai-ramai seperti yang pernah dilakukan di Masjid Negara (Kuala Lumpur),” katanya yang berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan amalan baik menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama orang Islam dan bukan Islam.

Pesta Durian Pulau Pinang kembali!



KETUA Menteri, Dr. Afif Bahardin (empat dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memegang sepanduk pengajuran sebagai mempromosikan penganjuran Pesta Durian Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Pesta Durian Pulau Pinang 2017 kembali, bermula pada 15 Jun sehingga 15 Oktober di Anjung Indah, Balik Pulau.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, pihaknya merancang untuk mengadakan acara perasmian program tersebut di lokasi berkaitan pada minggu ketiga selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

Prestasi kewangan kukuh, yakinkan China Exim Bank pinjamkan modal kepada Pulau Pinang - Guan Eng

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini menegaskan bahawa ia tidak mempunyai sebarang masalah untuk membuat pembayaran balik kepada *China Exim Bank* sekiranya pinjaman modal tersebut diluluskan.

Itu, jelas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, kerana Pulau Pinang menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang sihat, kukuh dan cemerlang.

“Pulau Pinang menunjukkan pengurusan kewangan amat baik iaitu 0.4 peratus sahaja baki pinjaman Kerajaan Negeri belum selesai daripada jumlah keseluruhan RM17.7 bilion.

“Kita (Kerajaan Negeri) uruskan ekonomi dengan baik, kita (Kerajaan Negeri) punya hutang sedikit sahaja dan terkecil di Malaysia iaitu RM64.49 juta. Sudah tentu kita (Kerajaan Negeri) boleh pinjam.

“Semua kena faham, negara China tak akan suka-suka pinjamkan wang kepada sesiapa sahaja. Dia (China) hanya akan pinjamkan (wang) kepada negeri yang kukuh dan mempunyai prestasi kewangan yang cemerlang sahaja.

“Jikalau kewangan tak kukuh atau cemerlang, dia (China) tentu tidak akan pinjam sesuka hati sampai wang (pinjaman) dia hilang.... tak ada...dia akan pastikan wang dia selamat juga.

“Ini merupakan satu pengiktirafan dan penerimaan bahawa prestasi kewangan

Pulau Pinang adalah amat baik,” ujarnya pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja-kerja menaiktaraf ‘Jejantas Sotong’ di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Sebelum ini, Dewan Undangan Negeri (DUN) sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang tersebut yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk memohon pinjaman daripada negara China tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, walau bagaimanapun, ia mesti mendapatkan kelulusan bukan sahaja negara China, malah juga Malaysia.

“Ini adalah di antara kerajaan dan kerajaan. (Pinjaman) kerajaan kepada kerajaan biasanya kukuh, kecuali yang pinjam wang muflis, tetapi ia mustahil bagi Pulau Pinang, itu sebab mengapa mereka (China) berani pinjamkan kita (Kerajaan Negeri) wang.

“Bila melibatkan pinjaman di antara negara, biasanya kadar faedahnya adalah lebih rendah daripada kadar komersial. Sekiranya kurang satu peratus pun, ia boleh jimatkan ratusan juta. Itulah impaknya.

“Dan jangan anggap ini macam pinjaman 1MDB (1Malaysia Development Berhad), tidak sama sekali... 1MDB adalah pinjaman dari bank komersial atau swasta. Dia (1MDB) lain, wang dia dapat dari swasta dan guna pun untuk swasta,” jelas beliau.

Hasil promosi besar-besaran oleh Kerajaan Negeri, Durian Pulau Pinang terutama Durian Balik Pulau telah menjadi satu jenama yang tidak perlu diperkenalkan lagi.

“Musang King, Hati Merah, Kapri, Labu, Udang Merah dan Duri Hitam adalah antara jenis-jenis durian yang terdapat di Balik Pulau dan menjadi pilihan utama penggemar buah durian,” katanya yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Walaupun tema program kali ini adalah “Jom Makan Durian Balik Pulau”, Afif menyatakan bahawa ADUN Jawi Soon Lip Chee seperti tahun lepas kemungkinan akan mengadakan promosi durian baka Duri Hitam atau ‘Or Chee’ di Jawi.

Peningkatan hasil negeri tiada kaitan dengan penjualan tanah semata-mata – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa peningkatan hasil negeri tidak mempunyai kaitan dengan penjualan hasil tanah mahupun aset negeri semata-mata.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap beberapa dakwaan daripada pihak pembangkang Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang yang mempersoalkan bagaimana Kerajaan Negeri mampu menampung peningkatan perbelanjaan.

Menurut Guan Eng, **sungguhpun perbelanjaan meningkat, Kerajaan Negeri masih dapat mencatat lebihan, iaitu dalam tempoh sembilan tahun, tiap-tiap tahun (Kerajaan Negeri) mencatatkan keuntungan atas keyakinan rakyat.**

"BN (Barisan Nasional) kata kita (Kerajaan Negeri) 'untung' sebab jual tanah. Namun, hasil jualan tanah digunakan untuk tabung khas iaitu Tabung Rumah Awam dan Rumah Mampu Milik dengan suntikan dana berjumlah RM500 juta.

"Kerajaan Negeri (Pakatan Harapan, PH) hari ini menjual tanah seluas 106.1 ekar, berbanding BN, 3,661 ekar.

"Sungguhpun kita (Kerajaan Negeri PH) menjual tanah 36 kali ganda lebih kurang (kuantiti ekar) daripada BN, tetapi kita (Kerajaan Negeri PH) mendapat pulangan (hasil penjualan tanah) lebih besar daripada BN iaitu sebanyak RM1.1 bilion berbanding RM1.06 bilion (BN). (Rujuk Lampiran A).

"Pulangan (hasil penjualan tanah) yang lebih ini adalah kerana kita (Kerajaan Negeri PH) menjalankan sistem tender terbuka," responsnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, hasil penjualan tanah negeri sejak tahun 2012 sehingga 2015 adalah RM657 juta (atau RM657,653,691.91), RM500 juta telah diberikan kepada Tabung Rumah Awam dan Rumah Mampu Milik dan baki yang tinggal RM157 juta.

"Baki (hasil penjualan tanah) RM157 juta ini hanyalah merangkumi 3.18 peratus daripada keseluruhan hasil negeri yang berjumlah RM4,946,891,696.32 (dari tahun 2008 – 2015).

"Maka, peningkatan hasil negeri tidak ada kaitan dengan penjualan tanah...hasil penjualan tanah kita (Pulau Pinang) meningkat kerana bayaran premium tanah yang dikenakan kerana menukar status tanah dari pertanian kepada komersial atau industri," jelasnya sambil merujuk kepada jadual hasil negeri yang diperoleh daripada penjualan tanah berbanding keseluruhan hasil negeri oleh Jabatan Kewangan Negeri. (Rujuk Lampiran B).

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, pelaksanaan sistem tender terbuka yang diamalkan Kerajaan Negeri PH Pulau Pinang sejak 2008 membolehkan penjimatan daripada peruntukan pembangunan yang dirancang.

"Sungguhpun peratusan perbelanjaan projek-projek

LAMPIRAN A

PERBANDINGAN PENJUALAN TANAH DI PULAU PINANG (BN vs PH)

Penjualan Tanah Oleh Kerajaan BN Dari Awal 90-an Hingga 2008.

SAIZ TANAH (ekar)	LOKASI	RM pkp	JUMLAH JUALAN (RM)
980	Tanjong Tokong	1	42.7 juta
325	Lebuhraya Jelutong	20	325 juta
750	Batu Kawan (Jual kepada Abad Naturi)	3.24	106 juta
1606	Butterworth (Jual kepada Rayson Consortium Sdn. Bhd.)	8.40	584.9 juta

3661 ekar (Jumlah) = RM 1.0586 bilion

Penjualan Tanah Oleh Kerajaan Negeri PH Selepas 2008.

SAIZ TANAH (ekar)	LOKASI	RM pkp	JUMLAH JUALAN (RM)
1.1	Jalan Zainal Abidin (Taman Manggis)	232	10.2 juta
105	Bayan Mutiara	240	1.1 billion

106.1 ekar (Jumlah) = RM 1.1102 bilion

PERBANDINGAN penjualan tanah di Pulau Pinang antara Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan Kerajaan Negeri BN.

LAMPIRAN B

HASIL PENJUALAN TANAH BERBANDING KESELURUHAN HASIL NEGERI

Tahun	Hasil Penjualan Tanah Kerajaan Negeri(RM)	Keseluruhan Hasil Negeri (RM)	% Hasil Penjualan Tanah Kerajaan Negeri
2008	-	371,143,874.73	-
2009	-	376,511,787.49	-
2010	-	410,701,630.70	-
2011	-	602,894,115.00	-
2012	110,293,920.00	654,552,363.81	16.85
2013	117,193,824.00	833,713,960.39	14.06
2014	188,911,009.00	799,712,712.20	23.62
2015	241,254,938.91	897,661,252.00	26.88
Jumlah	657,653,691.91	4,946,891,896.32	
	-500 jutaTabung Rumah Awam & Mampu Milik =157,653,691.91		3.18%

Jabatan Kewangan Negeri
13 Disember 2016

HASIL penjualan tanah berbanding keseluruhan hasil negeri.

pembangunan yang diperuntukan hanya 55.4 peratus, tetapi kita (Kerajaan Negeri PH) berjaya menyiapkan 99.75 peratus projek kerana sistem tender terbuka ini membolehkan kita mendapat harga yang lebih rendah dan kompetatif.

"Malah 99 peratus daripada keseluruhan projek yang bernilai RM38 bilion dilakukan secara tender terbuka," ujar beliau.

Terdahulu, Guan Eng dalam sidang media di Komtar, turut merujuk Laporan Ketua Audit Negara berhubung prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015.

Peel Avenue, keputusan diputuskan Exco

GEORGE TOWN - Parti Gerakan diminta menunjukkan bukti bahawa Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bertanggungjawab membuat keputusan secara 'solo' berhubung isu penjualan plot tanah negeri, Peel Avenue kepada Kumpulan Island Hospital bagi pembangunan projek bernilai RM2 bilion.

Guan Eng pada sidang media baru-baru ini berkata, kenyataan tersebut adalah fitnah yang ingin memburukkan Kerajaan Negeri, serta dirinya secara peribadi kerana penjualan tanah tersebut dengan nilai RM156 juta adalah diputuskan oleh Exco.

"Ini adalah fitnah kerana penjualan ini adalah diputuskan oleh Exco. Dulu di bawah Barisan Nasional (BN) seorang sahaja, yang lain-lain adalah pegawai kerajaan.

"Tetapi sekarang, Jawatankuasa Tanah

selain pegawai-pegawai kerajaan dan saya sendiri, kita turut mempunyai tiga ahli lain iaitu Timbalan Ketua Menteri I dan (Timbalan Ketua Menteri) II serta Lim Hock Seng selaku Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan.

"Ini jelas menunjukkan bahawa yang diputuskan secara 'solo' ialah semasa pemerintahan BN, dan bukanlah di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) sekarang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan di sini.

Hadir sama, ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai, Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam).

Menurut Guan Eng, penjualan tanah

Peel Avenue untuk projek pembangunan hospital swasta terbesar di Malaysia yang bakal menyediakan 1,000 buah katil pesakit adalah melebihi harga pasaran diberikan Jawatankuasa Perkhidmatan Penilaian Harta di bawah Kementerian Kewangan.

"Mereka (Jawatankuasa Perkhidmatan Penilaian Harta) menyatakan bahawa harga pasaran untuk tanah 99 tahun adalah sebanyak RM148 juta.

"Tetapi, kita menjualnya dengan harga RM156 juta, iaitu melebihi harga pasaran sebenar.

"Jika ini yang dikatakan sebagai saya seorang sahaja yang membuat keputusan, ia adalah fitnah dan pembohongan. Kita harap beliau boleh tunjukkan bukti."

"Sekiranya tidak, ini menunjukkan bahawa dia memang seorang pembohongan," tegasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam responsnya kepada media berhubung tindakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang membuat laporan berhubung penjualan tanah tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan bahawa, beliau menyerahkan perkara tersebut untuk disiasat.

"Jika dia (NGO) nak buat laporan yang kita jual tanah melebihi harga pasaran, terpulang padanya."

"Baru saya tahu hari ini bahawa jual tanah melebihi harga pasaran adalah salah, tetapi dia (NGO) tak ada pula buat laporan berhubung skandal PERDA yang menjual tanah di bawah harga pasaran sehingga menyebabkan kerugian sebanyak RM15.2 juta."

"Biar SPRM jalankan siasatan," ujarnya.

Kerajaan Negeri laksana tender terbuka RM38 bilion sejak 2008 – Guan Eng

GEORGE TOWN

– Sejak tahun 2008, 99 peratus daripada keseluruhan RM38 bilion projek direncanakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilakukan mengikut sistem tender terbuka yang kompetitif.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, hanya satu peratus projek pembangunan di negeri ini dilaksanakan secara rundingan terus demi kepentingan awam.

"Satu peratus itupun dilakukan (rundingan terus) kerana hendak menarik kemasukan syarikat-syarikat pelaburan besar yang berminat untuk melabur dengan jumlah yang banyak.

"Saya tidak faham mengapa pihak parti lawan masih mendakwa kita (Kerajaan Negeri) membelakangkan sistem tender terbuka, sedangkan 99 peratus dilakukan melalui tender terbuka.

"Untuk menjadi peneraju cara gaya baru ekonomi (*economic game-changers*) berpotensi, amalan rundingan terus adalah amalan biasa yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, usaha mendapatkan IKEA (syarikat penjualan perabot terkenal dari Sweden) ke Batu Kawan, persetujuan dilakukan secara rundingan terus, tetapi tiada pula

orang bising kerana mereka faham ia (pembangunan IKEA) akan merancakkan ekonomi negeri.

"Begini juga pelaburan RM2 bilion yang dijangka dari luar negara untuk pembangunan hospital swasta terbesar di Malaysia...apa salahnya kerana harga yang kita jual bukanlah di bawah harga pasaran," katanya sebagai membidas kenyataan parti lawan kononnya Kerajaan Negeri menjual tanah milikan negeri tanpa melalui sistem tender terbuka serta pada harga di bawah harga pasaran.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, penjualan tanah berjumlah RM156 juta untuk nilai pelaburan tinggi RM2 bilion bagi membina hospital swasta terbesar di Malaysia merupakan peneraju cara gaya baru ekonomi.

"Dilengkapi dengan 1,000 katil, pembangunan hospital swasta tersebut dilihat mampu membangunkan Pulau Pinang sebagai bandar perubatan pilihan termasuk mencipta 2,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi.

"Malah, juga akan mengekang aliran keluar kepakaran (*brain drain*), termasuk doktor-doktor pakar dan jururawat serta menjana nilai ekonomi sehingga RM7 bilion," ujarnya.

Jadilah pendidik, mendidik demi masa depan yang mampan



PARA peserta bergambar kenangan dengan pelatih sesi pengurusan sisa, Fazida Othman.

PGC telah menganjurkan Bengkel Kejurulatihan Pendidikan Alam Sekitar - Perubahan Iklim, Pengurusan Sisa, Air dan Tenaga pada 24-25 Mei 2017. Seramai 22 orang peserta termasuk ibu bapa dan para pendidik profesional atau bukan profesional turut bersama kami dalam platform pembinaan keupayaan ini.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan dan memperkasa sesiapa sahaja daripada orang ramai untuk menjadi pendidik alam sekitar, kemudiannya mengajar demi masa depan yang mampan. Bengkel

2 hari ini terdiri daripada empat isu utama alam sekitar yang saling berkaitan iaitu perubahan iklim, pengurusan sisa, air dan tenaga. Bengkel ini turut menyediakan latihan asas kepada para peserta di peringkat pengenalan. Bengkel ini telah diadakan di *Penang Institute* dan terdapat juga sesi luar bilik darjah yang turut dijalankan di Taman Botani Pulau Pinang.

Selepas selesai menghadiri bengkel ini, para peserta dapat lebih memahami isu-isu alam sekitar. Mereka diharapkan dapat mengubahsuai dan menggunakan isi kandungan



manual TOT secara kreatif mengikut keperluan kumpulan sasaran mereka pada masa hadapan.



GAMBAR berkumpulan bersama-sama para peserta di Taman Botani Pulau Pinang.

Bukit Bendera lokasi pilihan Setiausaha Kerajaan Negeri



FARIZAN Darus (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama tetamu kehormatnya sempena lawatan ke Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **PERBADANAN BUKIT BENDERA**

LAWATAN TIDAK RASMI... Pada 7 April lalu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus bersama isteri serta beberapa tetamu kehormat mengadakan lawatan bagi menikmati keindahan flora dan fauna di lokasi pelancongan terkemuka, Bukit Bendera.

Bersempena itu, delegasi tersebut telah mengadakan lawatan ke hutan tema, The Habitat dengan meninjau beberapa tarikan seperti, Titian Silara (*Canopy Walk*) dan lain-lain.

Turut tersenarai, kawasan KBB Banglo yang masih dalam proses penyelenggaraan serta *Bee Gallery* yang beroperasi di Stesen Atas Bukit Bendera dan Astaka Stesen Atas Bukit Bendera.

PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2017 / 2018

Permohonan boleh dibuat melalui *online* mulai 1 Jun 2017 hingga 30 Ogos 2017

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6505165/5391/5541/5599/5627
Faks : 04-2613453

Sijil **Diploma** **Ijazah Sains** **Ijazah Sastera** **Sarjana** **PhD**

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11361 NUR SYARAFINA BINTI MUSTAZA - 87081207****	No Akaun Peminjam	: 11362 NUR IZNI BINTI MUSTAZA - 89080707**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11363 RUAZANNA BINTI RUSLI - 88011807**** NO.917 A MUKIM 9, JALAN KAMPUNG MASJID 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11367 NOR FATIHAH BT MOHD SABRI - 91062407**** 2-8-20 TAMAN MANGGIIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUSTAZA BIN ZAINOL ABIDIN - 60060507**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SOBEHAI BINTI SAADIN - 60021202**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RUSLI BIN HASHIM - 58092502**** NO. 917 A MUKIM 9, JALAN KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD SABRI BIN OSMAN - 62090507**** 2-8-20 TAMAN MANGGIIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 2	: ROZILY BIN HASHIM - 67032306**** 5-5-20 KRISTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD SHAPIEE BIN HASHIM - 60051807**** 2W2X TINGKAT BATU UBAN 1, BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHE ALI BIN OTHMAN - 65122207**** 3-4-3 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: BASERI BIN ISMAIL - 63011102**** 3-G-42 SRI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11368 NUR ADIRA BINTI ABDUL AZIZ - 90112607**** NO.168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11372 NORONSLAH BT OUNNAJMI - 85010707**** NO. 27 LORONG PAYA KELADI 3, TAMAN PAYA KELADI 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11374 NORSYUHAIDAH BINTI MOHAMAD RAPI - 87052307****	No Akaun Peminjam	: 11380 NOORSAZILA BINTI MOHD AMIN - 83111507****
Penjamin 1	: ABDUL AZIZ BIN ISHAK - 65061102**** 442 JALAN RHU 3, TAMAN RHU FASA 3, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH	Penjamin 1	: MOHD ADIB BIN ABDUL WAHAB - 84052907****	Penjamin 1	: 1B-15-05 MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NORHAIDA BINTI MOHD AMIN - 78100907**** BERDEKATAN 303 MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2	: CHE JAM BINTI YAHAYA - 61123007**** 168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 2	: NO.446 PERMATANG SIREH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: JASMIN BIN AMIR ALI - 80030507**** 2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, JALAN HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD FAIZUL BIN MOHD AMIN - 88102357****
No Akaun Peminjam	: 11381 NIZAHIA BINTI ABU HASSAN - 78081507**** 24 LORONG SIAKAP 2, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11386 NAEKASHRI A/P JOTHI - 87042935**** 22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11390 AWATIF BINTI ISMAIL - 83090907**** 4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11398 MASWANI BINTI ABDUL MANAP - 80070807****
Penjamin 1	: KHIRUL ANNUR BIN SHAMSUDIN - 61080902**** 20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: NEESHA A/P JOTHI - 86012935**** 22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZUL SUHAILI BIN MD HSUAIN - 83083102**** NO. 4500 BAKAU TUA, 13110 PENAGA,	Penjamin 1	: MASRAH BINTI ABDUL MANAP - 79050306**** 1-04-06 TAMAN VANILA, TINGKAT SUNGAI BATU 2, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2	: ROSNADA BINTI ABU HASSAN - 61081707**** 20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: RALMI BIN HUSIN - (MENINGgal DUNIA) A4-15 FLAT KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ISMAIL BIN OMAR - 64070207**** SEBELAH 4814 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SHAREZAN BIN JAMIL - 77032802**** 124-F LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI, SUNGAI NIBONG KECIL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11399 MOHD YASIR BIN MAT NOOR - 85071435**** NO. 101 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11400 MUHAMAD SYAZWAN BIN RIZUAN - 91031107****	No Akaun Peminjam	: 11403 MUHAMMAD AZLAN BIN ABD RAHIM - 83102507****	No Akaun Peminjam	: 11413 OOI HOOI MAY - 91110407**** 2-05-05 SERI JELUTONG, LINTANG MADRASAH,
Penjamin 1	: MOHD LUKMAN BIN MAT NOOR - 83121707**** NO.101 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202**** NO.76-1 JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 4687 JARAK ATAS 13310 TASEK GELUGOR, SPU ABD RAHIM BIN HJ SHARIFF - 54041707****	Penjamin 1	: JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: HAZIRAWATI BINTI BAHRAM - 76052807**** NO. 21 TAMAN SETIA BUDI, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH	Penjamin 2	: MD DESA BIN REJAB - RF/83*** 1A-1-3 LEBUHRAYA THEAN TEIK, PERUMAHAN POLIS FARLIM FASA II, 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORYUSMALINA BINTI MOHAMAD YUSOP - 88070207****	Penjamin 2	: 60-16-08 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11414 MUHAMMAD FAIZ BIN MOHAMAD ARIF - 89083107****	No Akaun Peminjam	: 11415 MUHAMMAD MURSYID BIN ABDUL SAMAD - 90120807****	No Akaun Peminjam	: 11418 MOHD FIRDAUS BIN ABDUL GANIY - 89011907****	No Akaun Peminjam	: 11419 MUHAMMAD SYAZWAN BIN AZAHAR - 90083007****
Penjamin 1	: MOHAMAD ARIF BIN YAAYAH - 60112907**** 2-1-4 INTANIA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR	Penjamin 1	: ABDUL SAMAD BIN S S PAAKEER MOHD - 65030407****	Penjamin 1	: 3-5-2 LEBUH NIPAH 2, (PRIMA VIEW) BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 866C BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: MOHD HADZIN BIN AHMAD - 55120508**** 1505 JALAN 1D/3, BANDAR BARU SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR	Penjamin 2	: ISMAIL BIN KALANDAR MASTAN - 51012771**** A-2-1-2 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 10150 PULAU PINANG MOHD JAMAL BIN DIN MOHAMAD - 63050707****	Penjamin 2	: 60-16-08 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11420 MUGUNEISS ISWARI A/P NAGALINGGM - 85011107****	No Akaun Peminjam	: 11427 BADRUL HISHAM BIN YAAYAH - 85021307**** 4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH	No Akaun Peminjam	: 11433 JOHAN AFFANDY BIN ISMAIL - 87081207**** NO. 8 JALAN LIMA PAGAR 4/4F, SEKSYEN 4, SHAH ALAM 11700 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11435 KHAIRIL ANUAR BIN JASMEI - 81082007**** NO. 223 MUKIM E, PAYA KONGSI,
Penjamin 1	: NAGALINGGM A/L PALANDAY - 50061807**** NO. 1 LORONG TENGGIRI 7, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 1	: MOHD RASHID BIN MUSTAFA - 8510207**** NO.574 MUKIM E, TITI TERAS, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: JUNAIDI BIN ISMAIL - 81072907**** NO.61 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2	: ELANGO A/L SOMASANDERAM - 84053008**** NO. 21 LORONG SUTERA 2, TAMAN SUTERA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: ZAITUN BINTI BAKAR - 66082707**** 4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NUR SYUHADAH BINTI HAMZAH - 87030207**** B-1-1 TAMAN TUN SARDON, HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 14000 BUKIT MERTAJAM ROSLIZA BINTI AZALI - 80120907**** NO. 768 BAGAN NYIOR, JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11436 KRISHNAN A/L TAMILARASAN - 84062707**** 568 JALAN MAHSURI 6A, TAMAN MAHSURI 09400 PADANG SERAI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11437 HIDAYAT HILMY BIN TAWFIK HILMY - 83050807****	No Akaun Peminjam	: 11441 MUHAMMAD SAUFI BIN ABDUL MUTALIB - 90020407****	No Akaun Peminjam	: 11444 MUHAMMAD SYAHMI BIN MAHADZIR - 80121507****
Penjamin 1	: TAMILARASAN A/L LOGAN - 56042102**** 568 JALAN MAHSURI 6A/ TAMAN MAHSURI, PADANG SERAI 09400 KEDAH	Penjamin 1	: IMRAN HILMY BIN TAWFIK HILMY - 78101107**** NO.9 JALAN LIM HUCK AIK 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG	Penjamin 1	: 124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH AB MUTALIB BIN AHMAD TARJI - RF74***	Penjamin 1	: 1021 MUKIM 3, BUKIT INDERA MUDA MAZULIFAH BINTI ISHAK - 59021607****
Penjamin 2	: VELAVAN A/L MARIMUTHU - 85042408**** NO. 19 TAMAN INDAH, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: MUHAMAD RIZAL BIN MOHAMED RAZALI - 79091414**** 2A-21-6 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11700 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 2	: 10400 BUKIT MERTAJAM MAZALEENDA BINTI KAMARUDIN - 64010207**** NO.124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 2	: 14400 BUKIT MERTAJAM THAMILMAARAN A/L KANESON - 87071603**** 12-20-07 HALAMAN KENANGA, LENGKOK NIPAH 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11447 SITI NOOR SHAFADILAH BINTI MAHYUDDIN - 89100502**** A-3-3 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11450 SITI MASITA BT JAMALUDIN - 86051235**** 4101 MK 1 BUKIT INDRA MUDA	No Akaun Peminjam	: 11451 SYARIFAH NOOR ANIMAH BINTI SYED SHAARI - 91041407****	No Akaun Peminjam	: 11455 TEOH HOOI LIN - 89112907**** 43 LORONG MACHANG BUBOK 43, TAMAN MACHANG BUBOK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MAHYUDDIN BIN MD AKHIR - 50013102**** A-3-3 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD SOBRI BIN ABDUL MAJID - 70092802****	Penjamin 1	: 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: 55062307**** BLOK 59-1-01 MEDAN FETTES
Penjamin 2	: NORULAINI BINTI ABDULLAH - 82050908**** A-3-4 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD ZULKIFLE BIN JAMALLUDIN - 78052307**** 4101 MUKIM 3, BUKIT INDRA MUDA	Penjamin 2	: 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11457 SOPHIA LOO POH TIEN - 88070335**** 114 MEDAN TEMBAGA, ISLAND PARK 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11458 NOR AIN BINTI NOH - 87051235**** 576 LORONG SELASIH 1B/5, TAMAN SELASIH	No Akaun Peminjam	: 11460 NAJIRAH AINI BINTI AZIZAH - 89040208**** NO. 374 LOT 947, PAYA KELADI MASJID	No Akaun Peminjam	: 11467 ZAHIRAH AINI BINTI ZAINOL - 87081407**** 349 MUKIM D, JALAN BHARU
Penjamin 1	: YEAP WEN NIE - 88111007**** 52-6-3 TAMAN SRI HIJAU, JALAN VRAAGH 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAHIRAN BINTI ABU BAKAR - 68121107**** NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA	Penjamin 1	: 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: 349 MUKIM D, JALAN BHARU
Penjamin 2	: CHAN WY LOON - 86042535**** BLOK 1-3-8 JALAN LIMAU MANIS 1, TAMAN LIMAU MANIS 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: AZRINBADRINAS BINTI ABU BAKAR - 77110707**** NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA 13200	Penjamin 2	: 14000 BUKIT MERTAJAM NASRIAH BINTI SAAD - 54010407****	Penjamin 1	: 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11459 SOPHIA LOO POH TIEN - 88070335**** 114 MEDAN TEMBAGA, ISLAND PARK 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11459 NOR AIN BINTI NOH - 87051235**** 576 LORONG SELASIH 1B/5, TAMAN SELASIH	No Akaun Peminjam	: 13200 KEP		

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk
Bumiputera


CTW
Charterway

CHARTERWAY Properties Group

RUMAH TERES Dua Tingkat

- Keluasan Binaan: 22' x 40' (Type A), 20' x 40' (Type B)
- Keluasan Tanah: 1237 kps (min) 3100 kps (mak)

56 unit (60% Siap)



Pemaju: Legend Vista Development Sdn Bhd (1078880-U)
No 3355,Jalan Rozhan, Taman Industri Alma Jaya,14000 Bukit Mertajam, Penang, Malaysia. Tel: 04-5518522

Sila Hubungi : **012-9552011 Alan / 017-4359011 Tyng Tyng**

* Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-43/38 • No lesen Pemaju: 14418-1/07-2018/0515(L) • Tempoh Sah: 16/07/2016-15/07/2018 • No Permit Iklan dan Jualan: 14418-1/07-2018/0515(P) • Tempoh Sah: 16/07/2016-15/07/2018 • Bebanan Tanah: Maybank Berhad • Tarikh Jangka Siap: Mac 2018 • Harga Jualan: RM 465800.00 (min) RM 700000.00 (mak)



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.
(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 11469 Peminjam : UMMU AUNI BINTI A AZMAN - 90081207**** 1431 JALAN PASIR GEBU, PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam : 11471 Peminjam : NUR ATIQAH BINTI RAZALLI - 87061835**** NO. 70 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11474 Peminjam : RANJEETA A/P SARVAESWARAN - 88030735**** NO. 15 JALAN POW NEE 14000 BUKIT MERTAJAM,	No Akaun Peminjam : 11476 Peminjam : SHANGGARY A/P KRISHNASAMY - 89040607**** NO. 49 LORONG 2, TAMAN SERI MENDERONG
Penjamin 1 : A AZMAN BIN AHMAD - 58050707**** 1431 JALAN PASIR GEBU, PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1 : AININ AKMAR BIN ZAINOL - 78053007**** 251 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1 : SARVAESWARAN A/L MUNIANDY - 56041307**** NO. 1324 LORONG KANDOO KANDIYAR 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1 : LETCHEMEY A/P MARIAMUTHU - 63022602**** NO.49 LORONG 2, TAMAN SERI MENDERONG
Penjamin 2 : UMMEI AZURA BINTI A AZMAN - 82020807**** 1431 JALAN PASIR GEBU, PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2 : BUKHARI BIN RAZALLI - 81032507**** 70 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2 : KOKILAVENI A/P SARRAESWARAN - 85092707**** NO. 51 LORONG IMPIAN INDAH 18, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : UMAHDEVI A/P KRISHNASAMY - 85092102**** NO.49 LORONG 2, TAMAN SERI MENDERONG
No Akaun Peminjam : 11482 Peminjam : MOHAMAD SYAFIQ FARHAN BIN ABDULLAH - 88050307**** BLOK N-185 FASA 3A, SERI MANJUNG 32040 PERAK	No Akaun Peminjam : 11486 Peminjam : AMIRAH BINTI ABDULLAH - 90031707**** 3494 JALAN PADANG BENGKALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 11489 Peminjam : MOHD FAIRUS BIN SAAD - 80101102**** 34, LORONG BAGAN JERMAL 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11490 Peminjam : ZURIANEE BT LOKMAN LOGANATHAN - 89020307**** 79 PERINGKAT 2 FELDA IJOK
Penjamin 1 : ABDULLAH BIN SHAMUN - 60022507**** BLOK N-185, FASA 3A, SERI MANJUNG 32040 PERAK	Penjamin 1 : ADIBAH BINTI ABDULLAH - 81101707**** 3494 JALAN PADANG BENGKALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : SYAZANA BINTI MOHAMAD RABBIAL KHAN - 88091256**** NO.17 KAMPUNG HARIJOT, JALAN BURMA, 10250 PULAU PINANG	Penjamin 1 : ISHAK BIN SAAD - 89030408**** NO.14 KAMPUNG SUNGAI SEGAR 34510 BATU KURAU, PERAK
Penjamin 2 : AZIAN BINTI AHMAD - 77020107**** BAHAGIAN HARTANAH (PDC), BANGUNAN TUN DR LIM CHONG EU 11909 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2 : SITI HAJAR BINTI MOHD SANI - 81102107**** 3494 JALAN PADANG BENGKALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : ASMA BINTI ABDULLAH - 66110871**** DI BELAKANG 114, MUKIM 2, TELUK BAHANG (UNIT 2) 11050 PULAU PINANG	Penjamin 2 : MOHAMMAD ADNAN BIN NAFIAH - 67060402**** 79 PERINGKAT 2, FELDA IJOK 34120 SELAMA, PERAK
No Akaun Peminjam : 11496 Peminjam : YOGESWARY A/P MUNIANDY - 86081535**** 27 CHANGKAT MINDEN, JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11497 Peminjam : MOHD ASMAWI BIN AHMAD - 74032107**** NO. 61, JALAN F4, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam : 11498 Peminjam : MASTURA BINTI ABD MANAF - 87011035**** LOT 3, LORONG MOHD. ALI, KAMPUNG BAHAGIA	No Akaun Peminjam : 11499 Peminjam : IZANA BINTI HAMDAN - 80072706**** NO.37 JALAN JAWI INDAH 2, TAMAN JAWI INDAH 14200 JAWI, SPS
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L PAKIRI - 53061807**** 27 CHANGKAT MINDEN, JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1 : NORASHIKIN BINTI MOHYEE - 76080601**** NO. 61 JALAN F4, TAMAN MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR	Penjamin 1 : ABD MANAF BIN MAHDIN - 59112808**** LOT 3 LORONG MOHD ALI, KAMPUNG BAHAGIA 36000 TELUK INTAN, PERAK	Penjamin 1 : HAMDAN BIN ABDUL HAMID - 56081402**** NO.8 LORONG ILMU II, TAMAN ILMU, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHEELA A/P MUNIANDY - 80051907**** 27 CHANGKAT MINDEN, JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2 : ASLEEZA BINTI AHMAD - 78070607**** NO. 1545 JALAN BPJ 2/29, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2 : JUNAINAH BINTI MOHD DOM - 64122505**** NO.1 LORONG PERWIRA M1/29, TAMAN CICELY MAJU 36000 TELUK INTAN, PERAK	Penjamin 2 : SYUHADA BINTI HAMDAN - 87072435**** NO.8 LORONG ILMU II, TAMAN ILMU, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
No Akaun Peminjam : 11505 Peminjam : NUR HAZIMAH BINTI ABDUL RAHMAN - 91112307**** NO. 4 JALAN THOMAS, PBA QUATERS, OFF BUKIT DUMBAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11506 Peminjam : MUHAMMAD SYAFIQ FIRDAUS BIN ROSLI - 90021102**** 5573 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU		
Penjamin 1 : ABDUL RAHMAN BIN SYED ABDUL KADER - 63122007**** NO. 4 JALAN THOMAS, PBA QUATERS OFF BUKIT DUMBAR 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1 : ROSLI BIN IBRAHIM - 61100702**** 5573 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA		
Penjamin 2 : AHMAD YASIR BIN ABDUL RAHMAN - 88040707**** NO. 4 JALAN THOMAS, PBA QUATERS OFF BUKIT DUMBAR 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : FARIDAH BINTI MAT AKHIR - 56120202**** BATU 26, JALAN PADANG SANAI, 06300 KUALA NERANG, KEDAH		

Pelaburan kilang emas di Taman Perindustrian Batu Kawan RM49.6 juta, umum Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Lima syarikat emas dan barang kemas di bawah *Penang Goldsmith Association* (PGA) melabur RM49.6 juta di keseluruhan kawasan seluas 4.2 ekar Taman Perindustrian Batu Kawan (PKIP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, lima syarikat berkenaan adalah G2 Gold (M) Sdn. Bhd. dengan pelaburan RM24.6 juta; Jin Huo Gold & Jewellery Industries (M) Sdn. Bhd. (RM12.5 juta); TC Success Jewellery Sdn. Bhd. (RM6.8 juta); TC Jewellery Sdn. Bhd. (RM2.9 juta) dan LKT Luck Sdn. Bhd. (RM2.8 juta).

"Pelaburan daripada lima syarikat ini akan mewujudkan 730 peluang pekerjaan sebagai tambahan kepada 8,000 profesional dalam industri berkaitan kini.

"Kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada pertengahan tahun ini atau awal 2018, bergantung kepada kelulusan daripada pihak berkuasa, dan kemudahan-kemudahan dijangka siap dalam tempoh satu tahun," jelasnya sebelum memeterai perjanjian berwajib pada sidang media di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo antara pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang menyaksikan pemeteraian perjanjian bersejarah itu.

Dalam perjanjian tersebut, Kerajaan Negeri diwakili Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar bersama-sama Penasihat PGA

merangkap Pengarah Urusan TC Jewellery Sdn. Bhd., George Lo Siew Cheong.

Empat pihak lain yang turut menandatangani perjanjian berkenaan ialah Pengarah LKT Luck Sdn. Bhd., Tan Geng Seng; Pengarah TC Success Jewellery Sdn. Bhd., Lim Tong Kor; Pengarah Urusan Jin Huo Gold & Jewellery Industries (M) Sdn. Bhd., Chiah Hock Yew dan Pengarah G2 Gold (M) Sdn. Bhd., Lim Teik Peng.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan menyatakan bahawa, **Pulau Pinang di kedudukan pertama dalam eksport emas dan barangkemas pada tahun 2016 dengan menyumbang RM6.1 bilion, menyamai 85 peratus berbanding RM7.2 bilion jumlah keseluruhan eksport komoditi negara.**

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, **syarikat-syarikat dari Pulau Pinang berkenaan mengeksport logam barangkemas ke lebih 20 negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Jerman, Arab Saudi, Kanada, Hong Kong, Thailand, Filipina dan Singapura.**

"Sektor pengilangan emas di Pulau Pinang wujud kira-kira 200 tahun lepas dan PGA yang ditubuhkan pada tahun 1832 merupakan salah sebuah persatuan paling tua di negeri ini.

"Pertumbuhan syarikat dalam industri emas dan barangkemas memberi suatu lagi rangsangan kepada jenama 'Powered in Penang'.

"Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan akan terus menjadi destinasi pilihan untuk pelaburan, sama ada industri tradisional atau perniagaan baru," kata Guan Eng.



ROSLI Jaafar (enam dari kiri) berjabat tangan dengan George Lo Siew Cheong sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai majlis menandatangani perjanjian di sini baru-baru ini.

GLO-WALK

2017

A WALK IN THE PARK

22 JULAI 2017

6ptg - 10mlm

TAMAN BELIA (Youth Park)

DAFTAR SEKARANG

Daftar online di
www.techdomepenang.org/glo-walk

📞 04-2626663 or 016-411 9779

FACEBOOK [techdomepenang](https://www.facebook.com/techdomepenang)

✉ glo-walk@techdomepenang.org

Endorsed by



Supported by



Kompaun MC, individu gagal laksana Dasar Asing Sisa Di Punca selepas 1 Jun - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA - Individu juga boleh dikenakan kompaun seperti badan pengurusan (MC) bagi semua kawasan kondominium di negeri ini bermula 1 Jun 2017, sekiranya gagal melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow bagaimanapun berkata, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) akan tetap meninjau tiga tanggungjawab MC, iaitu melaksanakan majlis penerangan dasar berkaitan; menyediakan ruang serta operasi bagi dasar serta melantik kontraktor untuk menguruskan hasil kutipan sisa kitar semula.

"Kalau ada penghuni yang tidak melaksanakan dasar ini, bukan menjadi kesalahan MC, tetapi kompaun dikenakan ke atas penghuni terbabit sendiri, berpanduan undang-undang kecil PBT.

"Pujuk dan kempen pada dasar ini mesti diteruskan tetapi apabila sampai masanya, kita (PBT) akan mula mengeluarkan kompaun (sehingga maksimum RM250)," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dalam Operasi Pemantauan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Di Kondo The Signature dekat Jalan Baru di sini baru-baru ini.

Turut serta, ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Puad Hamid serta Pengarah Urusan MC Kondo The Signature, Edy Noor.

Bercakap pada sidang media sama, Edy menyatakan bahawa, sejak Jun tahun lepas, kempen serta amalan pengasingan sisa di punca telah dilaksanakan membabitkan

semua 148 unit kediaman bagi kondominium 25 tingkat di sini.

"Peratus penyertaan adalah lebih 90 peratus, namun, cabaran kita adalah (kerjasama lanjut) dengan penyewa sahaja.

"Kutipan sisa pepejal dan yang boleh dikitar semula dilaksanakan di setiap tingkat, dan mudah untuk MC kenal pasti kerana di setiap tingkat ada enam unit kediaman sahaja," jelasnya.

Mengulas lanjut, menurut Mohd. Puad, inisiatif dilaksanakan MC ketika ini adalah sangat baik kerana dalam operasi tinjauan terdahulu, MPSP pada beberapa bulan lepas di sini menyaksikan kira-kira 40 peratus penyertaan penduduk sahaja.

Kon Yeow dalam pada itu turut mengadakan operasi tinjauan serupa di Kondo Ocean View dekat Jalan Pearl Harbour, Butterworth.

Pada hari berasingan selepas itu, Kon Yeow turut mengetuai operasi pemantauan serupa di dua kondominium dalam kawasan Parlimen Bayan Baru, iaitu *Olive Tree Residences* dekat Jalan Mahsuri dan di Apartment Lavinia dekat Taman Sri Nibong dekat Sungai Nibong.

"Kita mahu Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini menjadi satu tabiat kepada orang Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Oon Lai Kuan.

Bercakap pada sidang media sama, Tung Seang memberitahu bahawa MBPP akan menjalankan pemantauan kepada lebih 200,000 unit kediaman bertingkat dan kediaman atas tanah (*landed, 192*) di seluruh negeri ini, mulai 1 Jun 2017.



CHOW Kon Yeow sambil ditemani Oon Lai Kuan (dua dari kiri) menunjukkan bahan-bahan boleh dikitar semula pada Operasi Pemantauan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dekat Kondominium Ocean View, Butterworth baru-baru ini.



KAKITANGAN MBPP sedang membuat pemeriksaan di *Olive Tree Residences* Bayan Baru.

Kuatkuasa Dasar Asing Sisa Di Punca tidak ditangguh, umum Kon Yeow

PENGKALAN KOTA - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bermula pada 1 Jun 2017 adalah dilaksanakan secara berperingkat.

Justeru, beliau mengerah semua pihak memberi partisipasi penuh dengan melaksanakan amalan berwajib tersebut di premis masing-masing, kerana penguatkuasaan dasar tersebut tidak ditangguhkan seperti disebut segelintir pihak.

"Kita (Kerajaan Negeri) boleh melambatkan lagi langkah penguatkuasaan ini sekiranya rakyat Pulau Pinang adalah setanding dengan (penduduk) bandar-bandar antarabangsa yang lain dari segi kebersihan dan taraf hidup.

"Penguatkuasaan dasar ini adalah salah satu langkah yang perlu diambil, bukan satu-satunya cara; dan kita masih meneruskan program kempen kesedaran seperti setahun lalu supaya semua pihak mula mengamalkan dasar ini," katanya dalam Majlis

Peluncuran Penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dekat Macallum Street di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir merasmikan majlis tersebut.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Menurut Kon Yeow, undang-undang kecil yang telahpun digubal membolehkan mahkamah mengenakan denda penjara tidak lebih daripada RM2,000 atau satu tahun atau kedua-duanya kepada pesalah.

Malah, tambahnya, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga boleh mengeluarkan kompaun kepada pesalah terbabit dalam kadar maksimum RM250.

"Saya menyeru semua orang sama ada penduduk, pemimpin tempatan, NGO (badan bukan kerajaan)

dan wakil rakyat untuk menyokong usaha ini bersama Kerajaan Negeri untuk mencapai keputusan diingini," ujar Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kompaun berwajib boleh diberikan kepada badan pengurusan (MC) kediaman atau individu yang dikenal pasti tidak melaksanakan dasar tersebut.

Serentak dengan langkah penguatkuasaan, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau serta kedua-dua pihak PBT akan melaksanakan operasi pemantauan secara berkala, yang ketika ini menumpu kepada kawasan kediaman kategori kondominium di bahagian pulau dan Seberang Perai.

Difahamkan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta MPSP dan MBPP lebih setahun lalu menganjurkan kempen kesedaran mengenai amalan pengasingan sisa di punca, sebelum langkah penguatkuasaan secara berperingkat dilaksanakan bermula 1 Jun 2017.

Suara merangka Tindakan Belia Pulau Pinang - Exco

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Belia di negara ini perlu diberikan peluang dan hak mencukupi bagi membolehkan golongan berkaitan memainkan peranan dalam aspek pembangunan lestari serta mampan.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, dalam membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Pulau Pinang, satu kajian mendalam telah dijalankan berhubung isu-isu cabaran dihadapi belia di negeri ini, dan cara paling efektif untuk menggalakkan pembangunan golongan berkenaan.

“Fasa pertama projek ini adalah merangkumi kaji selidik terhadap 606 belia merangkumi semua etnik utama di seluruh negeri Pulau Pinang, yang dipilih secara rawak dan berusia antara 18 hingga 29 tahun.

“Kajian ini telah menganalisis isu-isu kesejahteraan sosial, kesejahteraan ekonomi dan kesedaran politik dalam kalangan belia.

“Hasil kajian yang diperoleh akan menjadi asas serta struktur Pelan Tindakan Pembangunan Belia Pulau Pinang, dan ia akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat belia negeri ini,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Youth Development Corporation (PYDC), Teng Kok Liang, Dr. Wong Chin Huat (Felo & Ketua Jabatan Politik dan Analisis Sosial), Dr. Mustafa Kamal Anuar (Felo & Ketua Pengajian Nusantara) dan Yeong Pey Jung (Penganalisis Kanan, Politik dan Analisis Sosial).

Berdasarkan data diperoleh pada tahun 2015, menunjukkan bahawa jumlah belia di Pulau Pinang adalah sebanyak 25.39 peratus daripada keseluruhan populasi penduduk negeri ini.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu, Pelan Tindakan Pembangunan Belia

Pulau Pinang tersebut disasarkan untuk menjadi inklusif dan berfungsi sebagai panduan bagi memupuk potensi belia Pulau Pinang, menggalakkan mobiliti sosial serta meningkatkan perkembangan golongan berkaitan dari segi sosial, ekonomi dan politik.

“Objektif pelan tersebut terbahagi kepada lima bahagian, iaitu, Pertama, mengenal pasti isu utama belia Pulau Pinang dari sosio-ekonomi dan aspek politik. Kedua, menggubal dasar dilaksanakan dan pelan tindakan untuk mengurangkan masalah yang dikenal pasti.

“Ketiga, menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti kemasyarakatan; Keempat, belia kepimpinan angkat dan Kelima, memastikan pemerksaan belia sebagai kuasa untuk memberi motivasi kepada sosio-ekonomi dan pertumbuhan politik negeri serta keupayaan belia,” ujarnya.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017
自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记：

Bahagian Pelesenan MBPP, Dewan Bandaraya, Jalan Padang Dewan, Kota Lama, 10200 Georgetown, Pulau Pinang.
槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan PERDA Utama, Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).
收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程（Agenda Ekonomi Saksama，AES）计划来作为全州的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问：
Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部：04-263 8818
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部：04-549 7414

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

MAMMO PENANG



“Untuk wanita berumur 35 ke atas”
*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

MAMMO PENANG
‘Sayangi Wanita Pulau Pinang’

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia
mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka
ini bersamaan dengan **700,000 orang!**

Jadual Mammo Penang 2017

	Sabtu	Bahagian Pulau	Seberang Perai	Ahad	Bahagian Pulau	Seberang Perai
Julai	1	Batu Uban	Machang Bubok	2	Komtar	Pmtg Berangan
	8	Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT		9	Air Itam	Teluk Air Tawar
	15	Paya Terubong	Sungai Aceh	16	Bagan Dalam	Sungai Dua
	22	Sungai Pinang	Sungai Puyu	23	Teluk Bahang	Penaga
	29	Pantai Jerjak	Penanti	30	Tanjong Bungah	Seberang Jaya
Aug	5	Batu Maung	Perai	6	Padang Kota	Bukit Tambun
	12	Seri Delima	Sungai Bakap	13	Air Putih	Bagan Jermal
	19	Pulau Betong	Berapit	20	Pengkalan Kota	Padang Lalang
	26	Dato Keramat	Bertam	27	Pulau Tikus	Jawi
Sep	2	Hari Raya Haji		3	Paya Terubong	Sungai Aceh
	9	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	10	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	16	Malaysia Day		17		
	23	Bayan Lepas	Machang Bubok	24	Batu Uban	Pinang Tunggal



Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No. My Kid / Kad Pengenalan:
 Alamat:
 Nama Ibu / Bapa / Penjaga:
 No. Telefon : (Rumah) (Bimbitt) :
 Emel:

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantari sehingga banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik pengajar.
6. Keputusan pengadil adalah mutlak.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajar adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Perbaduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah:

Pertama: RM400
Kedua : RM250
Ketiga : RM150
4 Hadiah Saguhan

R M 3 8 0 , 0 0 0 projek penarafan Jeti Tambahan Nelayan Changkat siap

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

JAWI - Projek penarafan Jeti Tambahan Nelayan Changkat kira-kira 48 meter panjang x 3 meter lebar serta jalan masuk baharu ke sini akhirnya siap dengan peruntukan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berjumlah RM380,000.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, projek tersebut dilaksanakan susulan maklum balas penduduk dan nelayan setempat dalam program Jelajah Sedia Mendengar Bersama-Sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Ogos dan 13 Oktober tahun lalu di sini.

"Jeti ini telah dibina pada 2008 daripada sokongan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memperuntukkan kos sebanyak RM500,000 untuk membina jeti ini."

"Tapi, saya diberitahu tidak ada sebarang kemudahan asas disediakan seperti bekalan air dan tempat letak kereta pun tidak disediakan dengan baik."

"Kemudahan asas (yang siap dinaiktaraf) ini bukan untuk diri kita sendiri, tetapi juga untuk orang ramai..."

saya amat yakin pelancong-pelancong dari luar akan datang ke sini," katanya pada Majlis Perasmian Jeti Tambahan & Dataran Parkir Pengkalan Jeti Nelayan Changkat Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Selain Kon Yeow, hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; ADUN Sungai Bakap yang juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Makhtar Shapee dan Pegawai

Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Mohd. Ali Sebran.

Lip Chee ketika berucap memberitahu, komuniti nelayan setempat berharap Kerajaan Negeri pada masa hadapan mempertimbang hasrat untuk membina infrastruktur kemudahan awam lain seperti lot kedai komersial, chalet, serta restoran makanan laut di sini.

Manakala, Pengurus Persatuan Jeti Nelayan Changkat, Abdul Rahman Ibrahim menyatakan bahawa projek penarafan itu memberi manfaat berantai kepada komuniti penduduk dari lima buah kampung berhampiran Jeti Changkat, khususnya 113 ahli dan anggota nelayan persisiran pantai di sini.

"Sampan yang terletak di sini mencecah hampir 100 buah... setiap kali cuti umum, jeti kami dipenuhi dengan kenderaan hampir 70 kereta dan anggaran pengunjung seramai 150 orang.

"Yang amat kami memerlukan adalah bekalan elektrik untuk kegunaan para nelayan dan orang ramai di sini.

"Kami berharap Kerajaan Negeri akan terus membantu dan membela nasib nelayan agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.



ABDUL Rahman Ibrahim.



KETUA MENTERI, Chow Kon Yeow (dua dari kiri) dan Soon Lip Chee (kiri sekali) bersama-sama nelayan setempat menunjukkan hasil tangkapan diperoleh pada Majlis Perasmian Jeti Tambahan & Dataran Parkir Pengkalan Jeti Nelayan Changkat Nibong Tebal di sini baru-baru ini.



*Open to all eligible Malaysian students***

SCHOLARSHIP 2017

for undergraduate studies in Malaysia

You may apply for either:

PENANG SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month

or ...

MUTIARA SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month

Sponsored Courses
MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance.
*excludes Medicine

Upon completion of study, the scholars are required to work in Penang in any organisation of their choice.

** TERMS AND CONDITIONS APPLY

Online Application Date from 22 May 2017 to 18 June 2017

Further Details www.penangfuturefoundation.my

Contact Us info@penangfuturefoundation.my

Premis sewa basikal George Town bakal dilesenkan bermula 1 Julai

GEORGE TOWN - Setiap basikal disewakan dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dapat dikenal pasti melalui plat basikal yang dilesenkan di bawah Lesen Perkhidmatan Penyewaan Basikal bermula 1 Julai ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong berkata, MBPP melalui Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) baru-baru ini memutuskan bahawa semua premis yang menjalankan aktiviti penyewaan basikal akan dilesenkan bermula 1 Julai 2017.

"Kita (MBPP) telah bersetuju melesenkan premis-premis penyewaan basikal di dalam George Town dengan kadar bayaran RM240 setahun untuk sebuah hingga 20 unit basikal yang disewakan dengan tambahan RM10 bagi setiap sebuah basikal.

"Basikal-basikal ini akan mempunyai plat nombornya sendiri seperti motosikal, dan dengan kaedah ini Majlis dapat mengenal pasti sama ada basikal-basikal tersebut beroperasi secara sah atau sebaliknya," jelasnya pada sidang media selepas MBM MBPP di sini.

Menurut Ah Teong, garis panduan bagi melesenkan premis-premis tersebut secara tidak langsung akan menghentikan penggunaan dan aktiviti penyewaan basikal yang melebihi dua roda di atas



ONG Ah Teong.

jalan raya kini.

Katanya, pemberian lesen tersebut hanya melibatkan basikal dua roda sahaja, manakala tiga roda (beca) atau empat roda tidak dibenarkan sama sekali.

"Pengeluaran lesen akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017.

"Sekiranya ingkar terhadap garis panduan yang ditetapkan, mengikut Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian MPPP 1991, kompaun sejumlah RM250 akan dikenakan atau pengusaha berdepan tindakan susulan daripada pihak mahkamah.

"Justeru, saya menggesa semua pengusaha supaya membuat permohonan segera melalui Bahagian Pelesenan MBPP sebelum tarikh penguatkuasaan dinyatakan," ujar Ah Teong.

UD demi pastikan kesempurnaan fasiliti bangunan untuk semua

BERTAM - Permohonan pelan bangunan mestilah dikepilkkan bersama-sama pelan reka bentuk sejagat (UD), jika mahu mendapatkan kelulusan berwajib daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, langkah spesifikasi itu adalah demi memastikan kesempurnaan fasiliti bangunan untuk semua golongan termasuk orang kurang upaya (OKU).

"Universal design ini adalah untuk kita semua, bukan untuk OKU sahaja, daripada kanak-kanak sampai lah umur warga emas boleh akses fasiliti kerana adanya rekabentuk universal ini," katanya ketika merasmikan Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan Universal Design (UD) di sini baru-baru ini.

Turut berada di pentas utama, Setiausaha



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Ahli Majlisnya, Dr. Tiun Ling Ta yang juga anggota jawatankuasa Penang Accessibility Action Group (PAAG).

Menurut Maimunah, bengkel tersebut bakal merungkai beberapa kesalahan teknikal dan kesalahan fizikal di tapak, yang sering dilakukan oleh arkitek, jurutera, pemaju harta tanah ketika menyediakan pelan serta pembinaan di tapak.

"Agar, ianya selari dengan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL - 34A, dan

Malaysian Standard (MS - 1184)," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada lebih 80 peserta daripada pelbagai pihak.

Dalam bengkel itu, Ling Ta membentangkan tiga kertas kerja, iaitu *Understanding The Principles of Universal Design; Basic Tactile Guide and Implementation; Public Sanitation Issues for People With Disabilities*.

Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPSP, Baderul Amin Abdul Hamid pula membentangkan proposal *Implementing the Standard Driveway*.

Manakala, penceramah jemputan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ch'ng Gaik Ber @ Hajah Dalilah Bee Abdullah akan membentangkan dua proposal, iaitu *Standard Building Plan Submission Specification to MS-1184 Guide* dan *DBKL's Experience on OKU Technical Issue*.



Rumah Berkembar 3-Tingkat yang eksklusif



5% Diskaun Untuk Bumiputra

HAKMILIK KEKAL

Keluasan Binaan: lebih kurang 4,300kps
Keluasan Tanah: lebih kurang 40' x 75'



TAMAN RATU SDN. BHD.

(68192-K)

Pejabat Pemaju:
55-11-A (Menara Northam)
Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050,
Penang.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

Tel : 604 - 226 9537

Faks : 604 - 227 6841

No. Lesen Pemaju : 3457-3/01/2018/01211(L) No. Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB(92)/07(LB) & MPPP/OSC/PB(2197)/09(LB) Pihak Berkuaasa Yang Meluluskan : Majlis Perbandaran Pulau Pinang No. Permit Ikan & Jualan : 3457-3/01/2018/01211(P) Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal Tarikh Dijangka Siap : Oktober 2017 Jumlah Unit : 20 Harga : RM2,180,000(min) - RM2,500,000(maks)

Semua maklumat dan pelan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada pihak berkuaasa dan perunding projek pemaju. Kesemua ilustrasi adalah gambaran pelukis semata-mata.

Responden kaji selidik Bajet 2018 MPSP meningkat

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD**

BUKIT TENGAH - Seramai 10,648 peserta mengambil bahagian dengan memberi maklum balas awam mengenai Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2018 dengan peningkatan kira-kira 149 peratus, berbanding 4,278 responden sahaja pada sesi kaji selidik sebelumnya.

Dalam nada gembira, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, perkembangan terbaru itu sekaligus menunjukkan usaha pentadbirannya sejak beberapa tahun lalu dalam menyediakan belanjawan tahunan ketika ini seakan kian mendapat partisipasi awam, khususnya daripada kalangan orang muda.

"Kaji Selidik Bajet 2018 MPSP pada kali ini menunjukkan data sangat baik, yang mana majoriti responden adalah dalam lingkungan 21 hingga 39 tahun, iaitu seramai 5,426 orang atau 51 peratus.

"Ini merupakan generasi yang mahu membentuk masa depan Seberang Perai ke arah lebih maju dan berdaya saing.

"Secara ringkas, 92 peratus responden berpuas hati atas khidmat pembersihan yang dilaksanakan oleh MPSP, baki cuma lapan

peratus sahaja kurang bersetuju.

"Ini membuktikan bahawa penduduk di Seberang Perai sudah mula menunjukkan minat dengan mengambil bahagian dalam soal selidik ini," katanya kepada pemberita dalam Sesi 'Town Hall' Dialog Bajet MPSP 2018 di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti merangkap ADUN Padang Lalang, Chong Eng; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan; ADUN Jawi, Soon Lip Chee dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud turut serta sidang media tersebut.

Pada sidang media itu, Maimunah turut membentangkan hasil kaji selidik Bajet 2018 MPSP, meliputi tujuh fokus perkhidmatan yang dijadikan keutamaan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) tahun depan.

Seperti tahun lepas, Maimunah menyatakan bahawa 24 peratus responden bersetuju supaya MPSP memberi fokus kepada perkhidmatan kebersihan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif, Phee Boon Poh, Chong Eng, Dr. Norlela Ariffin dan Sr. Rozali Mohamud bergambar bersama-sama para peserta Sesi 'Town Hall' Dialog Bajet MPSP 2018 di sini baru-baru ini.

Enam jenis perkhidmatan lain, menurutnya, mendedahkan 15 peratus responden di Seberang Perai mahu MPSP memberi tumpuan kepada perkara infrastruktur dan kemudahan awam, diikuti, keselamatan dan lalu lintas (15 peratus); kawalan banjir (13 peratus); pengindahan dan kehijauan (13 peratus); penguasaan undang-undang (10 peratus) dan penglibatan komuniti (10 peratus).

"Ini menunjukkan pelaksanaan kerja-kerja pembersihan sendiri oleh MPSP dan kempen pengasingan sisa di punca telah meningkatkan tahap kepuasan penduduk di

sini.

"MPSP juga sedaya-upaya akan meningkatkan tahap kebersihan supaya kualiti hidup di Seberang Perai juga dapat ditingkatkan.

"Setiap perbelanjaan MPSP yang diaudit kita (MPSP) akan dikepilkhan di belakang cukai tafsiran.

"Kita (MPSP) nak belanja kita tanya, lepas kita (MPSP) belanja kita (MPSP) tunjuk kepada rakyat...ini membuktikan MPSP mengamalkan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) dalam menyediakan bajet," jelas beliau.

Kaji Selidik Bajet 2018 MBPP sehingga 30 Jun


G E O R G E TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini melaksanakan tinjauan atas talian serta mengedarkan borang soal selidik awam bagi mendapat maklum balas dan pendapat orang ramai dalam merangka Bajet MBPP 2018.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, penglibatan orang ramai bakal membolehkan MBPP menyediakan satu bajet yang lebih menyeluruh untuk dimanfaatkan oleh keseluruhan penduduk Pulau Pinang.

"Melalui kaji selidik ini, diharapkan bajet yang disediakan untuk sesuatu perkhidmatan atau projek akan lebih berkesan dan orang ramai juga akan berbangga serta menilai tinggi setiap kemudahan disediakan.

"Justeru, orang ramai boleh menghantar maklum balas tersebut mulai 1 hingga 30 Jun ini," katanya pada Program Kaji Selidik Bajet 2018 di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan



PATAHIYAH Ismail (kanan sekali) ketika penganjuran Program Kaji Selidik Bajet MBPP 2018 di sini baru-baru ini.

Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Pada penganjuran tersebut, antara isu yang menjadi fokus untuk dipertimbangkan MBPP ialah penyelenggaraan pokok-pokok besar dan renek di sepanjang jalan serta isu penempatan penjaja kecil bagi menambah pendapatan masyarakat peniaga.

Kaji Selidik Bajet 2018 boleh dibuat menerusi laman sesawang MBPP, www.mbpp.gov.my atau borang soal selidik boleh didapati dekat setiap kaunter bergerak MBPP di lokasi-lokasi terpilih di bahagian pulau.

Tujuh kemalangan dalam tugas dapat ex-gracia MPSP 2017

SEBERANG JAYA - Tujuh kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapat bayaran skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi tahun 2017.

Yang di-Pertua, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pemberian ex-gratia tersebut adalah kepada kakitangan yang ditimpakan kemalangan ketika melakukan tugas sahaja, selepas disahkan oleh doktor berwajib.

"Itulah kebijikan yang diberikan oleh MPSP pada tahun 2017...pemberian (ex-gratia) ini adalah berdasarkan keputusan doktor kesihatan kepada mereka yang layak," jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut serta sidang media itu.

Menurut Maimunah, Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi kakitangan MPSP berkuatkuasa pada 1 Julai 2011 adalah berdasarkan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh pada 30 Julai tahun berkenaan.

"Kita luluskan pada tahun 2011 dan pemberian kali pertama ex-gratia pada tahun 2012...kalau ada penerima yang layak, setiap tahun kita beri (ex-gratia)

"Sebelum itu, sepatutnya MPSP perlu beri (ex-gratia), tapi ketika itu (sebelum tahun 2011), tahap kesihatan kewangan MPSP tidak seperti hari ini," ujarnya.

AHMAD ZULHAM JAMALUDDIN, 36, yang ditemui melahirkan penghargaan atas penerimaan RM53,848.80 jumlah



AHMAD ZULHAM JAMALUDDIN.

Bayaran Ex-Gratia Pukal (EXP), selepas disahkan mengalami 15 peratus taksiran Hilang Upaya Kekal (HUK).

Penolong Pegawai Senibina di Jabatan Perancang Bandar MPSP berkenaan, difahamkan, mengalami kemalangan jalan raya semasa dalam tugas, dengan patah tangan kanan dan kiri, putus urat tiga jari tangan, dagu terbelah, gigi hadapan bahagian atas patah, patah lutut kaki kiri, patah betis kaki kiri, patah pergelangan tangan kanan serta putus urat tangan kanan.

"Apa yang saya boleh kongsi, apa yang saya alami suatu kesakitan yang tidak dapat digambarkan."

"Sebenarnya, berbaloi lah jika dibandingkan apa yang saya hilang seumur hidup, sekurang-kurangnya ada lah (ex-gratia)," jelasnya yang 13 tahun masih dalam perjawatan di MPSP.

Medik Bergerak, harap pupuk kesedaran penjagaan kesihatan

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : ADUN

BERAPIT – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berharap program pemeriksaan kesihatan percuma anjurannya mampu mendidik penduduk setempat berhubung perihal pentingnya penjagaan dan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Menurutnya, menerusi beberapa kajian sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa mendapat bahawa tahap kesedaran penduduk terhadap penjagaan kesihatan masih rendah.

“Oleh itu, sempena sambutan Hari Ibu baru-baru ini, saya adakan sekali lagi Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma melalui Medik Bergerak, bagi memberi peluang kepada penduduk tempatan menjalani pemeriksaan percuma.

“Selain itu, khidmat nasihat kesihatan turut disampaikan kepada penduduk yang mengambil bahagian supaya mereka peka adalah perlu melakukan saringan kesihatan berkala sekurang-kurangnya sekali setahun,” ujarnya pada pengajuran program Medik Bergerak dekat Masjid Tok Lebai Hasim di sini baru-baru ini.

Difahamkan dalam tempoh dua jam Medik Bergerak beroperasi, kira-kira 150 penduduk selesai menjalani saringan kesihatan percuma.

“Sama seperti sebelum ini, kira-kira 250 hingga 300 penduduk sekitar akan hadir dan menjalani saringan pemeriksaan kesihatan percuma di sini.

“Terdapat juga penduduk yang datang untuk mendapatkan pemeriksaan ulangan selepas tempoh tiga bulan daripada tarikh pengajuran sebelum ini di kawasan ini,” jelasnya.

Serentak itu, turut diadakan adalah pendaftaran program kebajikan Kerajaan Negeri, i- Sejahtera.



STEVEN Sim Chee Keong (berdiri, tiga dari kiri) menyantuni kakitangan yang menjayakan pengajuran Program Medik Bergerak di sini baru-baru ini. Turut kelihatan, salah seorang penduduk yang mengambil bahagian.

ASINGKAN SISA ANDA

Kesulitan kini demi keslesaan pada masa hadapan

SISA KITAR SEMULA



SISA BAKI



Penang Green Council
Tingkat 46, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.
tel. +604 250 3322 faks. +604 250 3323
emel. info@pgc.com.my laman web. www.pgc.com.my



Naik taraf lif Perumahan Awam Padang Tembak demi selesa rakyat

KEBUN BUNGA

Susulan dua kejadian kebakaran lif di Blok C, Perumahan Awam Kerajaan Negeri di Padang Tembak pada Julai dan November tahun lalu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mengumumkan perkembangan baru bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, salah satu lif tersebut sudahpun dibaiki dan beroperasi sepenuhnya.

“Kos pertukaran lif pertama merangkumi keseluruhan sistem menelan belanja sebanyak RM103,880. Lif ini telah siap dan berfungsi sepenuhnya pada 30 Disember 2016 lalu.

“Bagi lif kedua (L2), permohonan kelulusan bagi lantikan syarikat kontraktor telah dihantar kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) pada 6 Februari lalu dan kelulusan diperoleh pada 16 Februari 2017.

“(Dan) kerja-kerja baik pulih boleh dimulakan seawal 8 Mei ini dan siap pada 26 Mei 2017.

“Manakala pemasangan lif ketiga (L3)



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan), Cheah Kah Peng (tiga dari kanan) dan Zairil Khir Johari (tengah) mendengar penerangan daripada wakil kontraktor berhubung pemasangan lif baharu dekat Blok C, Perumahan Awam Kerajaan Negeri Padang Tembak di sini baru-baru ini

akan bermula sebaik sahaja siap L2 siap dan ianya dijangka selesai pertengahan Jun 2017 nanti,” jelasnya ketika mengadakan lawatan khas di sini baru-baru ini.

ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang turut hadir turut mengecam tindakan vandalisme yang dipercayai kerap terjadi di kawasan tersebut.

Serentak itu, Jagdeep turut memaklumkan bahawa pemasangan lif baharu akan dijalankan bagi blok D, F serta H, dan kerja-kerja pemasangan dijangka bermula dari Mei hingga Oktober tahun ini.

Naik taraf kemudahan sukan, ADUN harap lahirkan atlet antarabangsa

AIR ITAM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berharap segala usaha menaik taraf kemudahan sukan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan dapat menyemarakkan semangat kesukanan sekaligus melahirkan atlet berbakat di arena sukan antarabangsa.

Beliau berkata demikian ketika hadir meninjau gelanggang sepak takraw bersebelahan Masjid Jamek Paya Terubong yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

"Usaha menaik taraf kemudahan sukan misalnya gelanggang sepak takraw di sini adalah bagi menggalakkan golongan belia khususnya menyertai aktiviti berafaedah.

"Dan mungkin sekiranya berpeluang, bintang sepak takraw dapat 'dilahirkan' di sini," ujarnya yang mahu penduduk menjaga baik kemudahan sukan berkaitan.

Difahamkan, sejumlah RM14,000 diperuntukan bagi menaik taraf gelanggang tersebut termasuk menukar bumbung dan mengecat semula gazebo, memasang pagar di kiri serta kanan gelanggang serta menyediakan kemudahan untuk pengadil.

Mengulas lanjut, Hon Wai turut mengajak anak-anak muda di kawasan tersebut menyertai kejohanan sepak takraw yang dianjurkan oleh beliau.

"Kejohanan Sepak Takraw Piala KADUN Air Itam merupakan antara kejohanan terbesar di negeri ini.

"Tahun lalu, lebih 70 pasukan menyertai kejohanan berkaitan dan tahun ini sekitar bulan Disember akan diadakan lagi...saya berharap anak-anak muda di sini dapat menyertainya.

"Manalah tahu, suati hari anda mungkin mengikut jejak langkah Muhammad Zaim (Muhammad Zaim Razali, atlet sukan sepak takraw negara) dan mengharumkan negeri Pulau Pinang di arena sukan antarabangsa," ujarnya yang turut menyempurnakan servis sepak takraw pada lawatan berkenaan.

Dalam pada itu, wakil Pengurus Masjid Jamek Paya Terubong, Razali Razak memberitahu bahawa anak watan kelahiran kampung berkenaan, Muhammad Zaim, 21, kini mewakili Malaysia ke sukan SEA dalam acara sepak takraw.

"Gelanggang inilah menjadi medan untuk (Muhammad) Zaim berlatih setiap hari sehingga mampu mengharumkan nama negeri dan negara dalam sukan sepak takraw.

"(Muhammad) Zaim menyertai Sukan SEA 2015 di Singapura dan berjaya mendapatkan dua pingat perak dan satu gangsa...suatu pencapaian yang amat baik," katanya yang turut berbangga apabila beliau sendiri menjadi pelatih sepak takraw atlet berkaitan.



AKSI Wong Hon Wai (kiri sekali) ketika melakukan servis sempena lawatannya ke gelanggang sepak takraw siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.



TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG



JABATAN PERTANIAN
+04-537 2142



JABATAN PERIKANAN
+04-657 2777



**JABATAN
PERKHIDMATAN VETERINAR**
+04-508 4368



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

**TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN**

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN





KETUA Menteri, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir di Majlis Berbuka Puasa Bersama Pemimpin & Sumbangan Guru Sekolah Agama Rakyat, KAFA, Maahad Taufiq, Pondok, Tadis 2017 dekat perkarangan Masjid Jamek Kubang Semang, Permatang Pauh.

Indahnya Ramadan...



ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer (berdiri, dua dari kanan), Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh (kiri sekali), Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (berdiri, tengah) menyampaikan sumbangan kepada beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan & Majlis Berbuka Puasa bagi KADUN Seri Delima.



AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada penganjuran Majlis Berbuka Puasa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dekat Masjid Kampung Baru.



ADUN Air Itam, Wong Hon Wai ketika mengedarkan apron kepada para peniaga Bazar Ramadan Kampung Melayu.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon turut mengedarkan bubur lambuk kepada bukan Islam di perkarangan Komtar.



ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar (barisan depan, kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama beberapa pengunjung Pasar Ramadan Taman Pauh Jaya, Seberang Jaya.



ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) memberi duit raya kepada salah seorang kanak-kanak pada Jamuan Berbuka Puasa Anjuran Pusat Khidmat KADUN Datuk Keramat Bersama-sama Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang.



ADUN Komtar, Teh Lai Heng menuangkan bubur lambuk ke dalam bekas masing-masing sebelum diedarkan di sekitar Lebuh Tamil.